


## LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN



**INSTITUT PENYELIDIKAN  
PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA**  
*Malaysian Institute For Research in Youth Development*  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA



### TAJUK

**FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI KETERLIBATAN REMAJA DALAM  
PERLUMBAAN MOTORSIKAL HARAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN JENIS  
PERSONALITI, SOKONGAN SOSIAL DAN *COPING SKILL***

Oleh

Rozmi Ismail & Norhayati Ibrahim  
Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi  
[rozmi@pkri.pkrise.cc.ukm.my](mailto:rozmi@pkri.pkrise.cc.ukm.my)

untuk

**Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia  
Kementerian Belia Dan Sukan**

2007

## **FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI KETERLIBATAN REMAJA DALAM PERLUMBAAN MOTORSIKAL HARAM DAN HUBUNGANNYA DENGAN JENIS PERSONALITI, SOKONGAN SOSIAL DAN COPING SKILL**

### **SINOPSIS**

Mat Rempit bukanlah satu fenomena baru, malah ia amat dikenali dikalangan masyarakat umum di Malaysia. Terma ‘Mat Rempit’ di Malaysia bermaksud “individu yang menyertai perlumbaan haram menggunakan motosikal berkuasa kecil.” Mereka juga di cap sebagai samseng jalanraya kerana sering menimbulkan kekecohan di jalanraya dan dikaitkan dengan pelbagai masalah sosial seperti merompak, merogol dan menyerang serta membunuh orang yang melawan mereka. Walaupun isu ini sering mendapat perhatian media dan pihak bertanggungjawab, namun kajian saintifik tentang perkara ini masih kurang. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meninjau apakah faktor-faktor yang membawa kepada keterlibatan Mat Rempit dalam perlumbaan haram. Kajian ini menggunakan metod survei ke atas sekumpulan Mat Rempit. Subjek yang terlibat ditemuduga secara bersempua dan diedarkan alat ujian psikologi. Terdapat tiga jenis alat ujian psikologi yang digunakan dalam kajian ini iaitu alat ujian *Penerimaan Hubungan Sosial, Strategi Daya Tindak dan Personaliti Bg Five*. Temubual telah dijalankan dengan sekumpulan Mat Rempit di Kuala Lumpur. Seramai 108 orang responden (103 lelaki dan 5 wanita) secara sukarela telah melibatkan diri dan mereka diberi ganjaran wang ringgit sebagai sagu hati penglibatan mereka dalam kajian. Proses pengambilan subjek adalah menggunakan persampelan ‘snow ball’ iaitu menghubungi beberapa orang ketua kumpulan Mat Rempit. Ketua ini akan menghubungi ahli-ahlinya yang berminat untuk terlibat dalam kajian ini. Responden wanita yang terlibat dalam kajian ini merupakan teman wanita kepada responden yang tertentu, mereka tidak berlumba tetapi bergiat aktif sebagai pembonceng (terlibat secara tidak langsung). Kajian ini dilakukan pada waktu malam di tempat mereka melepak. Keputusan kajian menunjukkan kebanyakan responden dalam kajian ini adalah dikalangan mereka yang berumur 14 hingga 25 tahun dan kesemuanya berbangsa Melayu. Kebanyakan daripada mereka tidak memiliki lesen memandu dan kerap kali melanggar undang-undang jalan raya. Kebanyakan responden bekerja sebagai operator pengeluaran kilang dan sebahagian daripada mereka masih menuntut di sekolah dan kolej. Dapatkan kajian dari segi *strategi daya tindak* menunjukkan responden mempunyai kesanggupan dalam berhadapan dengan masalah serta boleh berkongsi masalah dengan orang lain terutamanya kawan-kawan mereka. Kajian ini juga mendapati kebanyakan mereka adalah berpersonaliti extrovert iaitu mereka jenis suka menunjuk-nunjuk dan tidak suka memendam rasa. Dilihat dari segi faktor-faktor keterlibatan, kajian ini mendapati keterlibatan mereka adalah disebabkan oleh ganjaran yang diterima yang mana terdapat hubungan yang positif antara lama terlibat dengan hadiah yang pernah dimenangi oleh mereka. Dari segi kekerapan berlumba didapati berkolerasi secara positif dengan kemenangan mereka iaitu ganjaran yang mereka perolehi seperti wang, wanita dan sebagainya. Pengaruh kawan dan keinginan mengisi masa lapang untuk berseronok juga merupakan salah satu faktor yang menarik mereka terlibat dalam perlumbaan haram ini.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
SINOPSIS	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	v
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	6
1.2 Persoalan kajian	7
1.3 Objektif Kajian	8
1.4 Kajian Lepas	8
1.5 Pendekatan Teori	12
1.5.1 Pendekatan Teori Personaliti	12
1.5.2 Pendekatan Teori Pembelajaran Sosial	13
1.6 Hipotesis Kajian	14
<b>BAB 2 METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>16</b>
2.1 Pendahuluan	16
2.1 Rekabentuk dan Kaedah Kajian	16
2.2 Subjek dan Tempat Kajian	16
2.3.1 Alat Kajian dan Cara Pemarkatan	17
2.4 Cara Menjalankan Kajian	17
2.3.2 Analisis Data	18
<b>BAB 3 KEPUTUSAN</b>	<b>19</b>
3.0 Pendahuluan	19
3.1 Taburan Latarbelakang Mat Rempit Di Malaysia	19
3.2 Keterlibatan Dalam Aktiviti Motor Dalam Perlumbaan Haram	22
3.3 Faktor-Faktor Keterlibatan Dalam Aktiviti Perlumbaan Haram	26
3.4 Taburan Respon Responden Berdasarkan Corak Hubungan	
Sosial, Strategi Daya Tindak dan Personaliti	26
3.5 Jenis Personaliti Mat Rempit	28
3.6 Strategi Daya Tindak Mat Rempit (Bagaimana Mat Rempit Menghadapi Masalah Dalam Hidup Mereka)	29
3.7 Hubungan Aspek Daya Tindak Dengan Aspek Personaliti dan Aspek Penerimaan Hubungan Sosial	32
3.8 Hubungan Antara Lama Terlibat Dan Kekerapan Berlumba Dengan Pernah Memenangi Hadiah Dalam Perlumbaan Haram	33
3.9 Kesimpulan	34

<b>BAB 4</b>	<b>PERBINCANGAN</b>	<b>35</b>
4.1	Pendahuluan	35
4.2	Taburan dan Latarbelakang Mat Rempit	36
4.3	Penerimaan Hubungan Sosial Mat Rempit	36
4.4	Strategi Daya Tindak Mat Rempit	38
4.5	Personaliti Mat Rempit	39
	Extravert (Bersifat sosial dan suka bergaul)	39
	Agreeableness (Berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan)	40
	Openess (Mempunyai sikap terbuka)	40
	Conscientiousness (Mempunyai kesedaran)	41
4.6	Faktor-Faktor Keterlibatan Remaja Dalam Gejala Mat Rempit	41
4.7	Kesimpulan	42
<b>BAB 5</b>	<b>KEPUTUSAN</b>	<b>48</b>
5.0	Pendahuluan	43
5.1	Rumusan Kajian	43
5.2	Implikasi dan Saranan Kajian	43
5.3	Masalah dan Limitasi Kajian	44
5.4	Rumusan	45
<b>RUJUKAN</b>		<b>46</b>

## **SENARAI JADUAL**

No.	Jadual	Halaman
-----	--------	---------

Jadual 3.1 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Umur Responden	21
Jadual 3.2 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pekerjaan Responden (Mat Rempit)	22
Jadual 3.3 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pekerjaan Ayah Responden (Mat Rempit)	22
Jadual 3.4 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Tahap Pendidikan Responden	23
Jadual 3.5 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Lesen	24
Jadual 3.6 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pemilikan Motor yang Digunakan dan Jenama Motor Yang Digunakan Oleh Responden	24
Jadual 3.7 Bilangan dan Peratusan Mengenai Saman dan Pengalaman Ditahan Polis	25
Jadual 3.8 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Umur Kali Pertama Terlibat dan Berapa Lama Keterlibatan Dalam Perlumbaan Motor	25
Jadual 3.9 Kekerapan Terlibat Dalam Kemalangan	26
Jadual 3.10 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Penyertaan Dalam Kelab dan dan Peratusan Keterlibatan Dalam Kes Dadah atau Polis	27
Jadual 3.11 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Hadiah Yang Dimenangi	27
Jadual 3.12 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Faktor Keterlibatan Responden Dalam Mat Rempit	27
Jadual 3.13:Taburan Respon Responden Terhadap Hubungan Sosial	28
Jadual 3.14 Tahap Personaliti Dikalangan Mat Rempit	29
Jadual 3.15 Strategi Daya Tindak Mat Rempit (Bagaimana Mat Rempit Menghadapi Masalah Dalam Hidup Mereka)	30
Jadual 3.16 Skor Item Strategi Daya Tindak	32
Jadual 3.17 Aspek-Aspek Yang Terdapat Dalam Strategi Daya Tindak	33
Jadual 3.18 Hubungan Antara Aspek-Aspek Strategi Daya Tindak Dengan Aspek-Aspek Personaliti dan Aspek-Aspek Dalam Penerimaan Hubungan Sosial	34
Jadual 3.19 Hubungan Antara Lama Terlibat Dan Kekerapan Berlumba Dengan Pernah Memenangi Hadiah Dalam Perlumbaan Haram	35

## **SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN**

n	Nilai bilangan
df	Darjah Kebebasan
F	Nilai Kekerapan

t	Nilai Kekerapan
r	Nilai Kekerapan
Sig	Signifikan
<	Kurang Daripada
>	Lebih Daripada
&	Dan
(	Dalam Kurungan
)	Luar Kurangan
=	Sama dengan
“	Buka Kurungan
”	Tutup Kurungan
%	Peratus
β	Beta
**	Aras Signifikan
SPSS	Statistical Package for Social Science

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pendahuluan

Mat Rempit bukanlah satu fenomena baru, malah ia amat dikenali dikalangan masyarakat umum di Malaysia. Terma ‘Mat Rempit’ di Malaysia bermaksud individu yang menyertai perlumbaan haram menggunakan motosikal berkuasa kecil (Rozmi Ismail, 2004/2005). Mereka juga di cap sebagai samseng jalanraya kerana sering menimbulkan kekecohan di jalanraya dan dikaitkan dengan pelbagai masalah sosial seperti merompak, merogol, menyerang serta membunuh orang yang melawan mereka. Media arus perdana acapkali melaporkan pandangan dan bantahan awam akibat dari kekacauan yang ditimbulkan oleh Mat Rempit seperti gangguan ketenteraman awam seperti bunyi bising pada waktu tengah malam, masalah dadah dan arak, mencuri untuk tujuan membeli dadah, pertaruhan, berkongsi perempuan dan seks rambang beramai-ramai. Aktiviti mereka bukan sahaja melanggar batas-batas norma dan nilai sosial masyarakat dan mereka telah membawa satu perubahan cara hidup yang menjurus kepada satu petumbuhan sub-budaya baru.

Perkataan rempit sebenarnya diambil dari bahasa inggeris ‘*ramp-it*’ yang menggambarkan pelumba memeras minyak di jalan raya (litar) yang akhirnya menjadi nama jolokan rempit bagi kumpulan terlibat (Rozmi Ismail, 2004). Akhir-akhir ini isu Mat Rempit menjadi semakin hangat dan merungsingkan semua pihak sehingga timbul perdebatan dari segi nama yang sesuai harus diberi kepada mereka misalnya ianya patut diberi nama dajal rempit kerana nama Mat Rempit nampak bersopan dan tidak sesuai dengan kelakuan mereka yang amat bertentangan dengan nilai sosial dan budaya masyarakat Malaysia. Namun apa yang jelas mereka adalah pelumba haram atau

pelumba jalanan yang sentiasa wujud pada waktu malam di kawasan-kawasan tertentu dan menganggu masyarakat sekeliling.

Beberapa dekad yang lepas mereka yang terlibat dalam perlumbaan yang laju, tanpa mengikut adab jalan raya dan dipanggil pelumba haram. Mereka ini tidak menganggu orang awam. Selepas beberapa tahun, fenomena lumba haram ini melalui evolusi nama dan kegiatan mereka. Nama Mat Rempit mula diperkenalkan dan sudah pasti nama ini sinonim dengan aksi ganas mereka ketika beraksi di jalan raya. Masyarakat kita memang terkenal dengan label-melabel. Jika diimbas kembali pada masa dulu heboh dengan gejala remaja perempuan yang suka berpelesaran dan dinamakan ‘Bohsia’ manakala bagi ‘jantan’ pula dipanggil ‘Bohjan’. Kini, wujud pula ‘label’ Mat Rempit dan gelaran ini sememangnya bersesuaian dengan tingkah laku mereka yang melanggar norma-norma masyarakat.

Apakah motif bagi perlakuan Mat Rempit? Dari segi psikologinya aktiviti Mat Rempit menyediakan hiburan, tempat bagi melepaskan kemarahan, kelakuan bagi mencari tumpuan, menyediakan ruang bagi interaksi sosial antara peserta dan ‘klik’ yang mana membentuk satu komuniti dengan matlamat, minat dan cara hidup yang sama (Rozmi Ismail, 2003). Mat Rempit juga menyediakan peluang bagi seseorang itu membuktikan nilai diri, kelelakian dan keseronokan mudah dengan perlumbaan haram lebih-lebih lagi apabila melawan penguatkuasa undang-undang (Rozmi Ismail, 2004).

Fenomena ini semakin serius dan kebelakangan ini kegiatan mereka semakin menyimpang daripada nilai-nilai murni dan melakukan pelbagai aksi yang mengundang bahaya. Sebelum ini mereka sekadar berlumba secara haram dan laju di jalan raya, akan tetapi hari ini mereka berani mempamerkan aksi angkat motor, berdiri atas motor ketika motor laju bergerak dan pelbagai lagi aksi yang sememangnya membuatkan ramai orang teruja. Sehinggakan ada pelancong luar negara yang mengatakan keberanian aksi mereka memang tidak pernah wujud di luar negara.

Gejala lumba haram dan merempit sangat sukar dibaneras, bahkan merebak sehingga seluruh pelosok termasuk FELDA dan kampung-kampung. Jika kita berada di kampung kita dapat saksikan budak-budak kampung sekarang ini semuanya mahu menunjukkan kehandalan untuk menjadi Mat Rempit. Mereka seringkali menunggang secara berkumpulan dan merbahaya serta membuat bising di malam hari. Berdasarkan pandangan rambang, lumba haram merupakan produk gejala sosial yang hanya wujud di Malaysia sahaja. Di negara-negara lain, hatta negara jiran seperti Thailand, Singapura, malah Vietnam dan Laos, tidak ada kedengaran remaja mereka terlibat dalam lumba haram, walhal motosikal merupakan kenderaan utama. Inilah persoalan asas yang ingin dikaji mengapa situasi ini hanya wujud di negara kita dan apakah yang perlu dilakukan bagi mencegah dan membentery fenomena ini. Fenomena ini perlu dikaji dan diteliti mengapa golongan remaja begitu terpengaruh dan yang paling merunsingkan ialah ia melibatkan pelajar sekolah dan belia Melayu yang masih muda.

Dari segi perundangan, secara umum perlumbaan haram yang dijalankan di jalan-jalan awam adalah suatu perlumbaan yang tidak sah di sisi undang-undang dan melanggar undang-undang jalan raya dan boleh membahayakan diri penunggang dan juga pengguna jalan raya seperti pejalan kaki dan pemandu kenderaan yang lain. Lumba haram termasuk dalam Seksyen 42, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334). Ringkasnya, berlumba secara haram menyalahi undang-undang jalan raya dan keadaan memandu secara melulu itu didapati membahayakan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Kes-kes kecurian motosikal juga semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini. Mengikut statistik PDRM, sejak 2001 sehingga Mei lalu 3,182 penunggang ditahan kerana pelbagai kesalahan lalu lintas dan 2,970 daripadanya berusia antara 16 tahun dan 25 tahun. Statistik Ops Sikap IX tahun lalu menunjukkan sebanyak 62 peratus atau 144 daripada 233 kematian membabitkan penunggang motosikal. Lima puluh enam peratus atau 3,487 daripada 6,223 kematian akibat kemalangan jalan raya sepanjang 2004 juga membabitkan penunggang motosikal. Beberapa contoh kes kemalangan membabitkan Mat Rempit iaitu kematian Muhamad Aufal Khalilah Mohd Saberi, 3, yang dirempuh

motosikal sekumpulan Mat Rempit di Kota Bharu baru-baru ini, juga kejadian Agus Asrafi Sumarji, 21, yang mati ditikam Mat Rempit dalam satu percaduhan di ibu negara pada 8 Oktober 2006 yang lalu menjadi bukti kerakusan segelintir kumpulan bermotor yang bukan sekadar membahayakan nyawa sendiri sebaliknya sudah membunuh orang yang tidak berdosa.

Laporan media masa seperti di akhbar menunjukkan lumba haram ini sukar dibendung malah semakin berjangkit ke kawasan luar bandar. Dari tahun 2001 hingga 2004 terdapat 9 serbuan, 18 orang pelumba haram termasuk seorang penuntut Universiti Teknologi Malaysia (UiTM) ditahan di sekitar Shah Alam dalam satu operasi. Mereka berusia antara 16 hingga 25 tahun. Pada 1 September 2001 pula, polis menahan seorang remaja berusia 16 tahun kerana merempuh seorang anggota polis trafik yang bertugas dalam operasi mencegah lumba haram di Jalan Sultan Abdul Jalil, Ipoh, Perak. Manakala pada 25 Disember 2002, 6 lelaki telah ditahan termasuk 2 pelajar kolej swasta selepas terbabit dalam kegiatan lumba haram di Subang Jaya, Selangor. Pada tahun 2003 terdapat 3 kes dilaporkan antaranya kes yang melibatkan 4 pemandu kereta ditahan dalam operasi membanteras kegiatan ini di bandar Seremban, Negeri Sembilan. Seorang yang ditahan itu dipercayai pensyarah sebuah kolej swasta dan kesemua yang ditahan itu antara 18 hingga 30 tahun. Pada 6 Januari 2004 melibatkan seorang lagi anggota polis trafik cedera selepas dilanggar pelumba haram dalam Ops Lumba Haram di Lebuh Raya Damansara, Petaling Jaya. Seramai 41 remaja berusia 12 hingga 24 tahun ditahan dalam operasi membanteras penonton lumba haram di Jalan Baru Pak Sabah, Dungun, Terengganu dan terakhir ialah pada 3 Februari 2004, seorang pekerja kilang ditangkap selepas disyaki terbabit dalam kegiatan ini semasa Operasi Cegah Lumba Haram di Melaka (Berita Harian, 10 Februari 2004).

Dari segi bilangan saman yang dikenakan juga meningkat iaitu saman yang paling tinggi adalah kawasan zon tengah khususnya di negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Pada tahun 1998 terdapat sebanyak 1,361 kes saman perlumbaan haram dikenakan. Pada tahun 1999 jumlah kes saman adalah 751 kes sementara dari Januari sehingga Jun 2000 sebanyak 437 saman telah dikenakan. Daripada jumlah tersebut seramai 216 remaja telah

ditahan reman dan sehingga pertengahan tahun 2000 seramai 110 remaja telah ditahan dibawah akta yang sama (Berita Harian, 27 Mei 2000).

Serbuan dan tangkapan yang dilakukan oleh pihak polis menunjukkan bahawa kebanyakkan remaja yang terlibat dalam perlumbaan haram adalah di bawah 21 tahun. Misalnya penangkapan yang dilakukan di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Raja Laut Kuala Lumpur menunjukkan 23 dari 28 orang yang ditangkap adalah remaja berumur bawah 21 tahun (The Star 28 Ogos 2000). Selain dari faktor umur, etnik juga menjadi isu utama di mana kebanyakannya yang terlibat dalam gejala ini adalah kaum Melayu. Laporan yang diperolehi dari pihak polis menunjukkan majoriti pelumba haram adalah Melayu. Oleh itu kajian saintifik adalah diperlukan untuk membuktikan kebenaran laporan-laporan tersebut.

Pihak kerajaan misalnya telah mengambil pelbagai langkah tertentu untuk menangani masalah motor haram seperti mereka yang ditahan akan didakwa di bawah peruntukan undang-undang ‘memandu dengan melulu dan membahayakan’ (tidak membabitkan kematian) boleh dihukum penjara mandatori sekurang-kurangnya sehari tetapi tidak lebih daripada lima tahun dan dengan denda RM5000 hingga 15000. Bagi kesalahan berikutnya mereka yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 10 tahun dan juga denda RM10 000 hingga RM20 000. Di Malaysia pesalah trafik seperti pelumba haram ini sukar untuk dikenakan tindakan undang-undang yang bersesuaian, kerana tiada undang-undang khusus kepada mereka yang melakukan kesalahan tersebut. Pelumba haram yang ditahan hanya akan didakwa di bawah peruntukan undang-undang trafik dibawah kanun keseksaan perkara 279 iaitu memandu dengan melulu dan membahayakan pengguna jalan raya lain. Jika mereka disabitkan kesalahan mereka boleh dihukum penjara mandatori sekurang-kurangnya sehari tetapi tidak lebih dari pada lima tahun dan dengan denda RM 5000 hingga 15000.

Setakat ini kajian yang bersifat saintifik pernah dilakukan oleh Rozmi (2005) untuk memahami aspek demografi dan psikososial budaya asing ini. Bagaimanapun masih wujud beberapa persoalan masih belum terjawab sepenuhnya. Misalnya apakah,

bagaimanakah trend penglibatan remaja dalam aktiviti ini pada masa kini? Apakah yang mendorong mereka melakukan aktiviti tersebut. Kajian saintifik yang berdasarkan sumber utama (pelumba) amat penting untuk memahami keadaan ini dengan lebih mendalam lagi.

### **1.1 Permasalahan Kajian**

Kemunculan Mat Rempit melambangkan munculnya sub-budaya baru dikalangan remaja di Malaysia. Kemunculan mereka telah menimbulkan banyak masalah kepada masyarakat dan negara. Antaranya ialah telah menjaskannya nama baik Malaysia dikalangan pelancong asing. Pelancong-pelancong asing yang mengunjungi negara ini terutamanya yang berada di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur mendapat pengalaman yang mengejutkan apabila menyaksikan kumpulan Mat Rempit bermaharajalela di jalan-jalan utama di bandar-bandar tertentu.

Kajian ini adalah ingin merungkai persoalan yang ditimbulkan iaitu apakah faktor-faktor yang menyebabkan keterlibatan remaja ini dalam kegiatan lumba haram. Kajian ini juga dikaitkan dengan penerimaan hubungan sosial, strategi daya tindak dan personaliti. Ketiga-tiga aspek ini akan diuraikan berdasarkan data iaitu respon yang diperolehi melalui interview yang berpandukan soal selidik yang merangkumi ketiga-tiga aspek ini.

Kajian oleh Rozmi (2004) menunjukkan majoriti Mat Motor bekerja sebagai budak pejabat, pengantar surat, pekerja pengeluaran, mekanik dan juga peniaga kecil. Isu Mat Rempit adalah isu sosial yang perlu ditangani dengan dasar dan pelan tindakan yang sesuai. Memberi label negatif bukan jalan penyelesaian yang baik. Masalah keluarga berpendapatan rendah dan isu kemiskinan perlu diberikan perhatian utama kerana isu-isu ini adalah menjadi faktor risiko kepada kanak-kanak yang membesar ke alam belia. Kesempitan hidup dan tuntutan kehidupan yang lebih materialistik serta nilai mata wang yang menurun dengan kos hidup yang meningkat memaksa lebih ramai ibu bapa bekerja lebih daripada masa yang sepatutnya untuk menambahkan pendapatan. Masa yang dihabiskan di luar rumah bekerja akan mengurangkan masa mereka berada di

rumah bersama anak-anak mereka. Ini dengan sendirinya akan mengurangkan masa ibu bapa untuk membantu mengawasi anak-anak mereka dan juga membimbing dalam perkembangan emosi mereka. Kajian tingkah laku lepak menunjukkan bahawa belia yang melepak dan terbabit dalam salah laku bukannya datang daripada keluarga yang berpecah belah. Sebaliknya mereka datang daripada keluarga yang utuh tetapi tidak mempunyai pengawasan ibu bapa yang rapi.

Kebelakangan ini isu Mat Rempit dikaitkan dengan pelbagai jenayah lain seperti ragut, percaduhan, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan yang terbaru pembunuhan. Saban hari cerita mengenai Mat Rempit dipaparkan di akhbar dan kaca televisyen, termasuk terbabit dalam aktiviti rogol, membelasah, merompak dan seumpamanya. Misalnya penyebaran video yang bertajuk ‘lauk’ iaitu memaparkan beberapa pemuda sedang melakukan sesuatu yang tidak sepatutnya terhadap seorang perempuan. Situasi ini sangat membimbangkan dan memerlukan penyelidikan berterusan untuk melihat mengapa keadaan ini berlaku di negara kita. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini, adakah faktor sosioekonomi keluarga, kedudukan geografi atau adakah pendedahan yang berterusan oleh semua pihak menyebabkan mereka lebih bertindak ganas. Ini adalah kerana golongan ini seperti terlalu dahagakan perhatian dan setiap yang dilakukan dianggap sebagai mengagungkan mereka.

## 1.2 Persoalan Kajian

Pada masa kini fenomena perlumbaan motorsikal haram amat berleluasa sehingga sukar dibendung. Mungkin trend dan faktor keterlibatan dalam aktiviti perlumbaan pada masa kini berbeza dengan masa dahulu. Malah aktiviti perlumbaan haram kini sering dikaitkan dengan aktiviti jenayah, percaduhan, judi dan samseng jalan raya. Kajian ini bertujuan menjawab beberapa persoalan asas yang berkaitan dengan fenomena ini. Misalnya, bagaimanakah trend perlumbaan haram di Malaysia masa kini? Apakah faktor yang menyumbangkan kepada keadaan ini? Adakah keterlibatan mereka dalam aktiviti perlumbaan motorsikal semata-mata untuk melepaskan tekanan atau menenangkan minda mereka? Siapakah yang terlibat? Adakah fenomena ini berkaitan dengan jenis personaliti tertentu?

### **1.3 Objektif Kajian**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti trend perlumbaan haram di Malaysia dan faktor-faktor sosiologikal dan psikologikal yang mempengaruhinya

- 1) Meneliti trend penglibatan remaja dalam aktiviti perlumbaan motorsikal haram yang dikaitkan oleh pembolehubah demografi seperti siapa terlibat, kekerapan keterlibatan, bila, bagaimana dan berapa ramai yang terlibat.
- 2) Meneliti apakah faktor-faktor yang mendorong keterlibatan remaja dalam aktiviti perlumbaan motorsikal haram
- 3) Mengkaji sama ada terdapat hubungan di antara jenis personaliti tertentu dengan penglibatan diri dalam perlumbaan motorsikal haram dan apakah corak hubungan sosial dan strategi daya tindak mereka.
- 4) Mencadangkan langkah-langkah yang sesuai ke arah mengurangkan gejala perlumbaan haram di Malaysia.

### **1.4 Kajian Lepas**

Kajian berkenaan fenomena ini setakat pengetahuan penyelidik belum dilakukan secara saintifik. Di luar negara kajian mengenai fenomena ini hampir tiada langsung. Ini mungkin kerana fenomena seperti ini tidak wujud di negara luar. Kajian-kajian di luar negara lebih tertumpu kepada aspek personaliti pemandu dan pelanggaran undang-undang jalan raya, seperti memandu melebihi had laju. Misalnya, Gabany, Plummer dan Grigg (1997) telah menjalankan kajian mengenai faktor-faktor yang menggalakkan tingkah laku memandu laju (*speeding behaviour*). Kajian ini telah melibatkan seramai 1078 orang subjek dan sebahagian besar dari mereka adalah pelajar kursus pengenalan kesihatan. Keputusan kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang membawa kepada tingkah laku memecut iaitu; menunjukkan kehebatan (ego gratification), pengambilan risiko, tekanan masa dan kebencian terhadap aktiviti memandu.

Menurut Rozmi Ismail (dalam Berita Harian, 2003) berpendapat, perlakuan pemandu di Malaysia sangat ditentukan oleh budaya dan persekitaran sehingga memberi tekanan yang amat sangat kepada mereka. Suasana jalanraya di Malaysia tidak begitu mencerminkan keadaan yang mendorong kepada perbuatan atau tingkah laku berhemah. Ini disebabkan sikap pentingkan diri sendiri tanpa mengira kaum, tiada hukuman dan penguatkuasaan yang tegas, kurang pemahaman tentang aspek keselamatan dan terikuti-sikap negatif yang dipelajari daripada ibu bapa.

Ozkan dan Lajunen (2005b) menyiasat bagaimana peranan jantina dan sifatnya berkait dengan cara pemanduan, kesalahan trafik dan kemalangan dikalangan pemandu muda. Mereka menunjukkan bilangan kesalahan termasuklah keaggresifan serta keganasan biasa meningkat sebagai satu fungsi kemaskulinan, manakala bilangan kemalangan, kesalahan, keaggresifan dan keganasan biasa menurun jika dikaitkan dengan kefemininan. Pemandu lelaki muda dan maskulin juga memandu lebih daripada kumpulan lain mempercayai bahawa pemandu berkemahiran dilihat menjadikannya lebih maskulin. Remaja berkeyakinan dan percaya dengan imuniti mereka dan kebolehan mereka dengan pemanduan merbahaya sebagai satu sikap untuk bertanding, rasa berkuasa dan mempunyai kuasa bagi mengawalatau rasa bagi melalui keseronokan. Pemandu, terutama lelaki, biasanya menggunakan kenderaan bagi menunjuk-nunjuk, mencari perhatian atau menarik kekaguman bagi lawan jantina mereka, bagi menimbulkan keseronokan dan menunjukkan keberanian bersaing. Kenderaan digunakan sebagai cara menunjukkan kebebasan, ekpressi emosi mereka, pemberontakan dalam diri dan bagi memuaskan keperluan bagi pemandu muda. Sensasi dalam mencari dan kecenderungan menjadi agresif dilihat sebagai cara yang kuat dalam pengambilan risiko secara umum dalam kebiasaan pemanduan berbahaya.

Kajian Mayer (1997) telah mencadangkan beberapa aspek psikologikal, sosial dan kognitif pemandu yang berisiko tinggi. Kajian ini mendapati cara memandu yang melulu adalah ekoran dari sikap anti sosial dan tidak bertanggung jawab kerana kegagalan menyesuaikan diri dengan nilai sosial. Pemandu yang mengalami tekanan hidup juga akan memandu melulu dan ini berkait dengan teori ketidakserasiaan personal. Teori

kegagalan mengawal impuls mencadangkan bahawa pemandu yang suka mengambil risiko berkaitan dengan pelepasan emosi.

McCormick, Walkey dan Green (1986) pula menjalankan kajian untuk membuktikan bahawa pemandu biasanya akan menilai dirinya sebagai pemandu yang berkemahiran dan kurang berisiko berbanding dengan pemandu yang lain. Keputusan kajian mereka menunjukkan lebih 80% pemandu mempersepsikan diri mereka sebagai yang berkemahiran lebih tinggi dan sederhana. Pandangan yang terlalu optimis tentang keselamatan dan kemahiran memandu telah membawa kepada cara memandu yang berisiko. Wasielewski (1984) mengkaji hubungan antara faktor peribadi dan faktor kenderaan dengan kesanggupan pemandu mendedahkan dirinya dengan risiko kemalangan, kelajuan telah digunakan sebagai ukuran risiko kemalangan. Keputusan menunjukkan pemandu yang muda lebih suka memandu laju berbanding dengan pemandu yang tua.

Kajian-kajian untuk melihat jenis personaliti dan penglibatan dalam kegiatan jenayah telah banyak dilakukan misalnya oleh McEwan (1983) mendapati kebanyakan penjenayah mempunyai personaliti tertentu seperti Extraversi dan Psikotik. Kajian Sapiee (1998) mendapati budaya lepak remaja berkait rapat dengan personaliti Extraversi, Psikotik dan Neurotik. Levonian (1969) pula mendapati terdapat hubungan positif di antara pelanggaran undang-undang dengan tret mementingkan diri dan tidak menghiraukan orang lain.

Kajian di atas telah disokong oleh Hivalki (1989) yang telah mentadbirkan ujian personaliti 16PF kepada 597 pemandu di Finland. Beliau menemui beberapa faktor yang berkait rapat dengan pelanggaran undang-undang jalan raya. Antara faktor tersebut adalah tidak runsing kepada bahaya, ikut kehendak hati, tidak menghiraukan orang lain dan tingkah laku tidak boleh dikawal. Sementara Smith dan Heckert (1998) pula melihat hubungan di antara jenis personaliti tertentu seperti pengambilan risiko, pemusnahan diri kronik dan penghargaan kendiri dengan kamalangan jalan raya. Hasil kajian mereka mendapati wujud perhubungan antara penghargaan kendiri dengan kemalangan jalan

raya. Manakala kajian oleh Rushton dan Chrisjohn (1980) mendapati skor yang tinggi dalam tret ekstroversi, neurotisme dan psikotisme berhubung dengan beberapa ciri pemanduan seperti memandu laju, mengambil risiko, gratifikasi ego dan tidak memberi perhatian semasa memandu. Kajian-kajian di atas memperlihatkan tret –tret tertentu berkait rapat dengan pelanggaran undang-undang jalan raya seperti memandu laju.

Kajian-kajian di atas secara keseluruhannya telah memperlihatkan bahawa tret personaliti tertentu berkait rapat dengan kecederungan melanggari undang-undang jalan raya. Oleh itu kajian akan meneliti yang dijangka mungkin berkait dengan kadar penglibatan ramaja dalam perlumbaan motorsikal haram. Salah satu dari faktor tersebut adalah faktor psikologi (mungkin personaliti pelumba haram). Selain itu pengaruh faktor luaran seperti pengaruh media, rakan sebaya dan juga aspek demografi seperti umur, etnik dan tahap pendidikan akan diteliti. Hasil kajian yang dilakukan oleh Kruttschnitt (1986) menjelaskan bahawa hubungan kekeluargaan mempunyai kesan yang ketara dalam pembentukan personaliti individu. Keputusan kajian menunjukkan kemungkinan anak-anak beringkah laku devian berkurangan jika mempunyai hubungan yang intim dengan ibu bapa mereka. Manakala hubungan antara adik beradik dilaporkan tidak mempunyai perkaitan dengan pembentukan tingkah laku devian. Disebabkan kajian ini hanya melibatkan responden lelaki maka ia tidak sesuai diadaptasikan kepada masyarakat sejagat.

Keseimbangan ganjaran dengan kos yang terlibat dalam devian menentukan berlakunya pengulangan tingkah laku devian. Keakraban ibu bapa dan komitmen terhadap ajaran agama dapat mengelakkan remaja dari terjerumus dalam delikensi. Pengaruh rakan sebaya terbukti mempunyai hubungan yang positif dengan kekerapan remaja melakukan delikensi. Dua perspektif yang menerangkan pengaruh rakan sebaya dalam kelakuan devian ialah rakan sebaya yang menggalakkan tingkah laku devian atau pemilihan rakan sebaya berdasarkan kriteria dan personaliti yang sama. Personaliti yang selari membawa kepada persefahaman dan pembentukkan perlakuan yang sama.

Menurut Hollin (1989) skala psikotisme (P) melihat kepada antribut-antribut seperti kekurangan perasaan untuk orang lain, mencari keseronokan, kuat akal dan bersifat ganas. Keadaan ini boleh menyebabkan seseorang individu itu lebih berminat menyertai aktiviti yang melencong dari norma sosial seperti perlumbaan haram.

Sebelum eksperimen dijalankan, subjek didedahkan melalui kaedah simulasi bagi melihat keadaan anonimiti, rangsangan atau keadaan bukan rangsangan keagresifan dengan mengaitkan jantina subjek. Selepas tugasan simulasi tersebut, subjek dikehendaki melengkapkan soal selidik yang diberikan. Hasil kajian menunjukkan memandu dalam keadaan marah mempunyai hubungan secara positif dengan kekerapan dan keamatan marah ketika memandu, frekuensi keagresifan, pemanduan berisiko dan faktor berkaitan kemalangan. Ini bermaksud tahap kemarahan semakin tinggi, pemandu lebih cenderung bertingkah laku agresif. Ujian korelasi *univariate* juga menunjukkan hubungan keagresifan pemandu lelaki dengan tahap pecutan adalah signifikan.

## 1.5 Pendekatan Teori

Kajian-kajian yang berhubung dengan isu psikologi tidak boleh terlepas dari melihat pendekatan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh terdahulu berkaitan dengan teori-teori asas berkaitan perkara yang dikaji. Dalam memahami faktor-faktor keterlibatan remaja dalam fenomena lumba haram ini, terdapat beberapa teori mampu memahami fenomena ini antaranya teori personaliti dan teori pembelajaran sosial.

### 1.5.1 Pendekatan Teori Personaliti

Terdapat pelbagai penjelasan dan dimensi-dimensi yang wujud dalam personaliti seseorang yang boleh dibincangkan dari sudut psikologi. Malah, pada masa lalu orang Greek telah mula membicarakan tentang personaliti individu yang mana mereka jelaskannya melalui empat jenis 'humor' atau kimia (Kalat, 1996). Sehingga kini, manusia masih berminat untuk menjelaskan personaliti yang dapat menggambarkan dan menjelaskan tingkah laku manusia. Ahli psikologi tidak berbeza dan dalam bahagian pendekatan teori ini, penyelidik akan melihat kepada beberapa teori personaliti yang dirasa berkaitan.

Antara tokoh awal membicarakan personaliti ialah Eysenck (1977). Beliau telah memperkenalkan beberapa dimensi personaliti iaitu pada asasnya, dimensi-dimensi yang telah dibuat oleh Eysenck berkaitan personaliti individu sebenarnya lebih kepada teori yang mengaitkannya dengan tingkah laku jenayah. Penjenayah dikatakan lebih cenderung mendapat markah tertinggi dalam skala E, P dan juga N (Eysenck, 1964, 1970 & 1977 dalam Rushton & Chrisjohn, 1981). Teori yang telah dikemukakan ini adalah berdasarkan model sistem saraf pusat yang melibatkan kedua-dua pengaruh genetik dan pembelajaran serta interaksi antara kedua-duanya. Menurut Allport (dalam Shultz & Shultz, 1998), personaliti adalah hasil interaksi biologi dan kognisi. Teori personaliti Allport menghuraikan tentang personaliti individu mengikut latarbelakang genetik manusia dan bertanggungjawab untuk sebahagian besar keunikan manusia. Kombinasi genetik individu pula akan berinteraksi dengan persekitaran dan hasilnya adalah personaliti individu yang berbeza, kecuali kembar seiras. Allport telah memperkenalkan tiga hirarki personaliti iaitu: tret utama, tret pertengahan dan tret sekunder.

Teori personaliti Big Five adalah teori personaliti moden yang diperkenalkan oleh Goldberg (?). Menurutnya lima dimensi yang mewakili personaliti lima faktor ialah personaliti bersifat sosial (Extraversion), berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan (agreeableness), bersifat neurotik atau mempunyai gangguan emosi (neurotic), mempunyai sikap terbuka (openness) dan mempunyai kesedaran (conscientiousness). Kajian-kajian lalu telah membuktikan bahawa lima tret ini adalah tegap dengan merentasi rangka teoritikal yang berbeza (Goldberg 1981).

### **1.5.2 Pendekatan Teori Pembelajaran Sosial**

Albert Bandura (1973), telah mengemukakan teori ini dan mendefinasikannya sebagai interaksi hubungan yang berbeza dengan peneguhan yang berbeza melalui interaksi individu dengan orang lain yang diteguhkan bagi menghasilkan pembelajaran tingkah laku devian dan bukan devian (Pagelow, 1984). Bandura (1977) menggambarkan tingkah laku manusia sebagai timbal balik iaitu tingkah laku manusia adalah dikawal oleh individu melalui proses kognisi dan juga persekitaran melalui kejadian-kejadian yang

berbentuk rangsangan sosial. Ciri penting dalam teori Bandura ialah pembelajaran melalui pemerhatian. Beliau menyatakan bahawa manusia belajar melalui peneguhan vikarious iaitu pembelajaran sesuatu tingkah laku manusia dihasilkan daripada pemerhatian tingkah laku individu lain dan juga akibat daripada bertingkah laku sedemikian. Akan tetapi, beliau turut menekankan proses kognitif dalam mempengaruhi pembelajaran sesuatu tingkah laku. Menurutnya, manusia tidak akan meniru tingkah laku individu lain secara automatik sebaliknya akan membuat jangkaan implikasi tindakan demikian sebelum membuat keputusan untuk meniru.

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi permodelan atau peniruan sesuatu tingkah laku. Salah satu faktor yang mempengaruhi permodelan ialah ciri-ciri model tersebut. Individu akan lebih cenderung dipengaruhi oleh model yang serupa dengannya seperti kesamaan dalam segi umur, jantina dan sebagainya. Selain itu, sesuatu model yang memerlukan kepakaran juga akan lebih mendapat perhatian khasnya golongan individu yang mempunyai kepercayaan terhadap kebolehannya untuk meniru tingkah laku tersebut. Ini kerana keupayaan melakukan aktiviti yang memerlukan kemahiran ini dianggap akan meningkatkan status pengamal. Ganjaran yang diperolehi hasil daripada sesuatu tingkah laku juga akan mempengaruhi intensiti peniruan model. Individu akan membuat penimbangan kepada ganjaran dan dendaan yang akan diperolehi ekoran daripada sesuatu tindakan yang diambil. Individu akan memilih dan membentuk tingkah laku yang boleh mendatangkan ganjaran dan mengelakkan diri daripada dendaan.

Oleh hal yang demikian, pendekatan yang diuraikan di atas, boleh menunjukkan sejauh mana seseorang individu itu boleh terlibat dalam kegiatan lumba haram.

## 1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan beberapa dapatan kajian di atas seperti kajian Hollin (1989), Rushton dan Chrisjohn (1980) dan Hivalki (1989) berserta teori-teori yang dijelaskan di atas yang menunjukkan terdapat perhubungan diantara tert personaliti tertentu dengan tingkah laku devian sosial. Maka beberapa hipotesis telah dibentuk untuk duji dalam kajian ini iaitu;

- 1) Terdapat perkaitan di antara faktor demografi seperti lama terlibat dan hadiah yang ditawarkan dengan kekerapan keterlibatan dalam perlumbaan haram
- 2) Terdapat hubungan diantara hubungan sosial, strategi daya tindak dan personaliti Mat Rempit.

## BAB 2

### METODOLOGI KAJIAN

#### 2.0 Pendahuluan

Bab ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu menghuraikan tentang kaedah yang telah dilaksanakan dalam menjalankan kajian ini. Aspek-aspek yang dibincangkan meliputi persampelan kajian, tempat kajian, subjek kajian, alat kajian, prosedur kajian, kaedah permarkatan dan kebolehpercayaan alat kajian.

#### 2.1 Rekabentuk dan Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan metod survei ke atas sekumpulam Mat Rempit. Subjek yang terlibat ditemuduga secara bersemuka dan diminta mengisi alat ujian psikologi. Terdapat tiga bentuk alat ujian psikologi yang digunakan dalam kajian ini iaitu alat ujian Penerimaan Hubungan Sosial, Strategi Daya Tindak dan Personaliti.

#### 2.2 Subjek dan Tempat Kajian

Temubual telah dijalankan dengan sekumpulan Mat Rempit di satu lokasi di Bangsar, Kuala Lumpur. Seramai 108 orang responden, secara sukarela telah melibatkan diri dalam kajian ini. Responden yang terlibat diberi ganjaran wang ringgit sebagai saguhati penglibatan. Proses pengambilan subjek adalah menggunakan kaedah persampelan ‘snow ball’ iaitu menghubungi beberapa orang ketua mat motor (ketua kumpulan) Mat Rempit. Ketua ini akan menghubungi ahli-ahlinya yang berminat untuk terlibat dalam kajian ini. Mereka terdiri daripada 103 lelaki dan 5 wanita. Responden wanita yang terlibat dalam kajian ini merupakan teman wanita kepada responden yang tertentu, mereka tidak berlumba tetapi bergiat aktif sebagai pembonceng (terlibat secara tidak langsung). Kajian ini dilakukan bermula 10.00 sehingga awal pagi 3.00 pagi.

### 2.3 Alat Kajian dan Cara Pemarkatan

Kajian dilakukan dalam 2 peringkat untuk menyenangkan urusan mentadbir alat ujian. Temubual keatas kumpulan pertama melibatkan seramai 58 orang Mat Rempit, sementara kumpulan kedua seramai 50 orang. Beberapa alat ujian psikologi digunakan untuk melihat profil Mat Rempit iaitu *Penerimaan Hubungan Sosial* (15 item) , *Strategi Daya Tindak* (20 item) dan *Personaliti* (44 item). Alat ujian ini digunakan untuk mengukur sejauhmanakah penerimaan hubungan sosial responden, Strategi Daya Tindak mereka. Personaliti pula diukur dengan menggunakan Big Five Personaliti.

Alat ujian ini menggunakan skala likert dengan pelbagai pilihan jawapan berdasarkan alat ujian. Alat ujian *Penerimaan Hubungan Sosial* memberi pilihan jawapan sangat sama seperti saya, sama seperti saya, agak sama seperti saya, sangat tidak sama dengan saya, sama sekali tidak sama dengan saya. *Strategi Daya Tindak* pula memberi pilihan jawapan seperti tidak berkenan, jarang-jarang digunakan, agak kerap digunakan, kerap digunakan dan sangat kerap digunakan. Manakala alat yang mengukur *Personaliti* pula memberi pilhan jawapan seperti sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

### 2.4 Cara Menjalankan Kajian

Terdapat beberapa **prosedur (tatacara kajian)** ketika menjalankan kajian ini. Pada permulaannya, penyelidik akan terlebih dahulu memperkenalkan diri dan menjelaskan tujuan kajian ini sebelum ujian ditadbirkan. Responden kajian akan diberi jaminan bahawa segala maklumat peribadi yang dibekalkan oleh responden akan dirahsiakan dan hanya digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja.

Seterusnya, penyelidik akan mengedarkan satu set borang soal-selidik kepada responden yang dipilih. Penyelidik membacakan dan memberi penerangan terhadap item-item agar mudah difahami oleh responden. Responden diminta untuk menjawab soalan secara jujur dan serius berdasarkan pengalaman mereka. Akhir sekali borang soal selidik dikutip.

## **2.4 Analisis Data**

Analisis data dalam kajian ini akan menggunakan program Statistical Package for Social Sciences (SPSS) bagi memperolehi keputusan secara deskriptif dan inferensi. Untuk melihat taburan skor secara deskriptif, nilai, min dan peratus digunakan.

Pengujian hipotesis pula dibuat dengan menggunakan beberapa metod statistik inferensi. Analisis korelasi di gunakan untuk melihat hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah. Selain itu, analisis untuk melihat perbezaan dan hubungan dengan faktor demografi menggunakan analisis Ujian-t dan Anova (Analisis Varians) Sehala.

## **BAB 3**

### **KEPUTUSAN KAJIAN**

#### **3.0 Pendahuluan**

Bab ini mengemukakan dapatan yang diperoleh. Data di analisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan pakej SPSS versi 12.0.

#### **3.1 Profil dan Latarbelakang Mat Rempit Di Malaysia**

Analisis deskriptif bagi latar belakang Mat Rempit menunjukkan secara keseluruhanya responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada lelaki yang berbangsa Melayu. Kebanyakan responden juga tidak memiliki lesen memandu (sila rujuk Jadual 3.1 hingga 3.4).

Dari segi umur pula majoriti menunjukkan responden yang terlibat dalam kajian ini ialah dalam lingkungan umur 14 hingga 20 tahun (50 %) dan ini diikuti oleh kumpulan umur 21 hingga 25 (37%). Manakala kumpulan umur yang lain adalah sangat sedikit jumlahnya. (lihat Jadual 3.1)

**Jadual 3.1 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Umur Responden**

		Bilangan	Peratus
Umur	14 hingga 20	54	50.0
	21 hingga 25	40	37.0
	26 hingga 30	9	8.3
	31 hingga 35	2	1.9
	36 ke atas	3	2.8
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Dari aspek latarbelakang pekerjaan pula keputusan kajian menunjukkan kebanyakan responden adalah bekerja sebagai operator pengeluaran (kilang) iaitu 31 orang dan terdapat juga pelajar yang melibatkan diri dalam kegiatan ini iaitu seramai 17 orang,

bekerja sebagai buruh (6 orang), bekerja sendiri (11 orang), penghantar surat/pengangkutan (12 orang), perkhidmatan / jualan (4 orang), juruteknik (2 orang), profesional (3 orang) dan ada juga responden yang tidak bekerja (11 orang) (sila rujuk Jadual 3.2).

**Jadual 3.2 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pekerjaan Responden (Mat Rempit)**

Pekerjaan responden		Bilangan	Peratus
Pelajar		17	15.7
bekerja sendiri		11	10.2
Buruh		6	5.6
pengangkutan (pemandu atau penunggang)		12	11.1
pekerja am/kilang		31	28.7
perkhidmatan/jualan		4	3.7
pengurus/bahagian pentadbir (pengkeranian)		2	1.9
Juruteknik		2	1.9
Professional		3	2.8
tidak bekerja		9	8.3
lain-lain		11	10.2
<b>Jumlah</b>		<b>108</b>	<b>100.0</b>

Dapatan kajian ini sekaligus mengesahkan dapatan terdahulu oleh Rozmi (2003&2004) yang menunjukkan majoriti Mat Motor bekerja sebagai budak pejabat, penghantar surat, operator pengeluaran, mekanik dan juga peniaga kecil.

**Jadual 3.3 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pekerjaan Ayah Responden (Mat Rempit)**

Pekerjaan		Bilangan	%	Bilangan	%
		Ayah		Ibu	
Pelajar		7	6.5	1	.9
bekerja sendiri		24	22.2	18	16.7
suri rumah				58	53.7
Buruh		11	10.2		
pengangkutan (pemandu atau penunggang)		9	8.3		
pekerja am/kilang		7	6.5		
perkhidmatan/jualan				2	1.9
pengurus/pentadbir		11	10.2	5	4.6
Juruteknik		3	2.8		
Pesara		25	23.2	2	1.9
tidak bekerja		1	.9	1	.9
lain-lain		10	9.3	4	3.7
<b>Jumlah</b>		<b>108</b>	<b>100.0</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Dari segi profil keluarga pula kajian ini telah mendapati kebanyakan bapa responden adalah bekerja sendiri dan pesara, manakala ibu responden kebanyakan adalah suri rumah. Ada juga dikalangan ibu bapa responden ini yang masih lagi belajar.

Pembolehubah ini ingin dikaji kerana sepetimana kajian yang dilakukan oleh Narimah (1993) mendapati keluarga yang mempunyai tahap pendidikan tinggi dan sumber pendapatan yang lebih baik biasanya menggunakan pola komunikasi keluarga orientasi perbualan lebih tinggi berbanding dengan ibu bapa yang berpendidikan dan berpendapatan rendah. Ritchie (1991) menjelaskan keadaan ini adalah kerana semakin berpendidikan ibu bapa maka semakin berkurangan penegasan kuasa di mana ibu bapa lebih menggalakkan interaksi yang lebih terbuka dalam keluarga.

Dalam aspek tahap pendidikan responden kajian telah menunjukkan bahawa kebanyakan Mat rempit berpendidikan rendah iaitu SPM dan ke bawah.

#### **Jadual 3.4 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Tahap Pendidikan Responden**

		Bilangan	Peratus
Tahap pendidikan	UPSR/Sekolah Rendah	6	5.6
	PMR/SRP/LCE	22	20.4
	SPM/MCE	61	56.5
	Diploma/Sijil/Kolej	19	17.6
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Pendapatan	RM 1000 kebawah	71	65.7
	RM1001-RM2000	30	27.8
	RM2001-RM3000	1	.9
	RM3001-RM4000	1	.9
	RM5001 ke atas	2	1.9
	tidak dinyatakan	3	2.8
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Status perkahwinan	Bujang	99	91.7
	Berkahwin	8	7.4
	bercerai / berpisah	1	.9
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Tempat tinggal	Bandar	98	90.7
	Luar bandar	4	3.7
	FELDA	2	1.9
	Setinggan	4	3.7
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Jenis rumah	pangsa/flat	42	38.9
	Banglo	3	2.8
	rumah sewa	8	7.4
	Teres	35	32.4
	kondo/apartment	15	13.9
	lain-lain	5	4.6
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Tinggal bersama siapa	rakan / kawan	11	10.2
	Keluarga	69	63.9
	Sendirian	27	25.0
	lain-lain	1	.9
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Terdapat juga responden yang tidak bersekolah dan hanya tamat tingkatan 6 sahaja. Dari aspek pendapatan pula kebanyakannya responden berpendapatan RM 1000 kebawah dan kebanyakannya daripada mereka adalah berstatus bujang iaitu seramai 99 orang. Berdasarkan keputusan yang diperolehi juga menunjukkan kebanyakannya responden tinggal di kawasan bandar dan seramai 42 responden adalah tinggal di rumah pangsa atau flat. Keputusan kajian juga mendapati kebanyakannya responden tinggal bersama dengan keluarga (sila rujuk Jadual 3.4)

### **3.2 Keterlibatan Dalam Aktiviti Motor Dalam Perlumbaan Haram**

**Jadual 3.5 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Lesen**

		Bilangan	Peratus
Lesen	ya (ada)	27	25.0
	Tiada	81	75.0
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Perkara yang menjadi tumpuan penyelidik dalam kajian ini juga ialah berkaitan dengan lesen. Penyelidik ingin tahu adakah mereka ini memiliki lesen dan adakah mereka mengikuti kelas memandu, didapati kebanyakannya daripada responden (75%) menyatakan yang mereka tidak memiliki lesen. Keputusan kajian ini menunjukkan mereka berlumba tanpa lesen dan melanggar peraturan yang sedia ada.

**Jadual 3.6 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Pemilikan Motor yang Digunakan dan Jenama Motor Yang Digunakan Oleh Responden**

		Bilangan	Peratus
Pemilikan motor yang digunakan	sendiri	98	90.7
	pinjam	7	6.5
	tidak dinyatakan	3	2.8
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Jenama motor yang digunakan	Yamaha	75	69.4
	Noovo	4	3.7
	Honda	17	15.7
	Suzuki	2	1.9
	Kris	3	2.8
	lain-lain jenama	2	1.9
	tidak dinyatakan	5	4.6
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Berdasarkan keputusan yang diperolehi menunjukkan majoriti responden menggunakan motorsikal sendiri untuk berlumba dan jenama motorsikal yang digunakan oleh mereka ialah jenama Yamaha (RXZ) dan diikuti oleh jenama Honda(sila rujuk Jadual 3.6).

**Jadual 3.7 Bilangan dan Peratusan Mengenai Saman dan Pengalaman Ditahan Polis**

		Bilangan	Peratus
Pernah di saman (melaggari undang-undang jalan raya semasa berlumba)	Ya tidak	82 26	75.9 24.1
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Pengalaman di tahan polis (kesalahan dadah, berlumba dan lain-lain)	Ya tidak	83 25	76.9 23.1
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Kajian ini juga dapat mengenalpasti bilangan dan peratusan responden yang di saman iaitu seramai 82 responden menyatakan pernah disaman kerana melanggari undang-undang jalaraya seperti berlumba secara haram dan memandu secara merbahaya. Pengalaman ditahan polis pula menunjukkan seramai 83 responden menyatakan pernah di tahan polis atas pelbagai kesalahan termasuk kesalahan dadah, berlumba dan sebagainya (sila rujuk Jadual 3.7).

**Jadual 3.8 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Umur Kali Pertama Terlibat dan Berapa Lama Keterlibatan Dalam Perlumbaan Motor**

		Bilangan	Peratus
Berapa lama sudah terlibat dalam aktiviti ini	kurang dari setahun 1 hingga 5 tahun lebih dari 5 tahun tidak dinyatakan <b>Jumlah</b>	20 54 27 7 <b>108</b>	18.5 50.0 25.0 6.5 <b>100.0</b>
Umur kali pertama terlibat dalam perlumbaan motor	12 hingga 15 tahun 16 hingga 20 tahun 20 tahun ke atas	27 54 3	25.0 50.9 2.8
Tidak menyatakan		24	22.2
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Kajian ini juga mengupas latarbelakang responden dengan lebih mendalam. Kajian ini mendapati kebanyakan responden mengalami pernah terlibat dalam perlumbaan haram ini sejak berumur 16 tahun atau sebelum berumur 20 tahun dan terdapat juga remaja awal iaitu yang berusia 14 tahun. Dari segi pengalaman keterlibatan dalam lumba

haram, kebanyakannya daripada mereka juga menyatakan mereka terlibat dalam kegiatan ini dalam lingkungan 5 tahun yang lepas dan ada yang masih baru iaitu kurang dari setahun (sila rujuk Jadual 3.8).

### **Jadual 3.9 Kekerapan Terlibat Dalam Kemalangan**

		Bilangan	Peratus
Pernah mengalami kemalangan semasa berlumba	Ya	63	58.3
	Tidak	45	41.7
	Jumlah	108	100.0
Kekerapan berlumba dan merempit	1 hingga 5 kali seminggu	61	56.5
	6 hingga 20 kali sebulan	20	18.5
	21 hingga 30 kali setahun	2	1.9
	tidak terlibat dengan perlumbaan	25	23.1
	Jumlah	108	100.0
Jumlah pelumba	1 hingga 5 orang	26	24.1
	6 hingga 10 orang	27	25.0
	11 hingga 20 orang	26	24.1
	21 orang ke atas	19	17.6
	tidak menyatakan	10	9.3
	Jumlah	108	100.0
Jumlah penonton	1 hingga 20 orang	39	36.1
	21 hingga 50 orang	20	18.5
	51 hingga 100 orang	25	23.1
	101 keatas	17	15.7
	Tidak dinyatakan	7	6.5
	Jumlah	108	100.0
Tempat biasa berlumba	highway	30	27.8
	Kawasan sekitar KL	46	42.6
	dataran merdeka	11	10.2
	pertama kompleks	5	4.6
	jalan wahyu	5	4.6
	tidak dinyatakan	10	10.2
	Jumlah	108	100.0

Kajian ini juga mengkaji adakah mereka pernah mengalami kemalangan semasa berlumba didapati seramai 63 responden menyatakan pernah mengalami kemalangan semasa berlumba. Kebanyakan kemlangan adalah cedera ringan dan ada juga yang pernah cedera parah, tetapi ini tidak menyekat semangat mereka untuk menjadi Mat Motor. Dalam kajian ini juga mendapati kekerapan berlumba dikalangan responden adalah 1 hingga 5 kali seminggu (56%). Kawasan yang menjadi tumpuan mereka ialah di kawasan Kuala Lumpur dan ada juga di kawasan lain. Ini selari dengan dapatan yang terdahulu iaitu pelumba-pelumba haram tidak tertumpu di satu-satu kawasan atau negeri, malah didapati aktiviti ini dilaporkan berlaku hampir di seluruh negara (Rozmi, 2004)

**Jadual 3.10 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Penyertaan Dalam Kelab dan  
dan Peratusan Keterlibatan Dalam Kes Dadah atau Polis**

		Bilangan	Peratus
Menyertai kelab motor	Ya	82	75.9
	Tidak	26	24.1
	Jumlah	108	100.0
Terlibat dengan kes dadah atau kes polis Sebahagian besar adalah teragak-agak semasa menjawab soalan ini.	Ya	26	24.1
	Tidak	82	75.9
	Jumlah	108	100.0

Kebanyakan daripada mereka menyertai kelab motor dan melalui respon yang diperolehi menunjukkan kebanyakan daripada responden tidak jujur dalam menjawab soalan yang dikemukakan terutamanya berkaitan dengan keterlibatan mereka dalam kes dadah dan mereka menyatakan mereka tidak pernah terlibat dalam penagihan dadah.

**Jadual 3.11 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Hadiah Yang Dimenangi**

		Bilangan	Peratus
Hadiah yang dimenangi	Wang	37	34.3
	Lain-lain hadiah	31	28.7
	Wanita	4	3.7
	Motor	4	3.7
	Arak	2	1.9
	Dadah	2	1.9
	Tidak pernah menerima sebarang hadiah kerana suka-suka	34	31.5

Perlumbaan yang melibatkan lumba haram tidak pernah terlepas daripada hadiah atau ganjaran yang ditawarkan jika memenangi dalam sesuatu perlawanan, didapati wang merupakan hadiah yang paling popular dikalangan Mat Rempit dan terdapat juga wanita yang menjadi taruhan.

### 3.3 Faktor-Faktor Keterlibatan Dalam Aktiviti Perlumbaan Haram

**Jadual 3.12 Bilangan dan Peratusan Berdasarkan Faktor Keterlibatan Responden Dalam Mat Rempit**

		Bilangan	Peratus
Pengaruh kawan	Kepuasan	52	48.1
	Mengisi masa lapang	40	37.0
	Pengaruh kawan	30	27.8
	Menunjukkan kehebatan	11	10.2
	Hadiah yang ditawarkan	6	5.6
	Pengiktirafan	10	9.3

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji apakah faktor-faktor yang menyebabkan mereka terlibat dan kaitan dengan alat ukuran yang ingin dikaji oleh penyelidik. Kajian ini mendapati faktor ingin mencari kepuasan dan keseronokan merupakan penyebab kepada keterlibatan responden dalam aktiviti ini. Faktor yang juga popular dikalangan mereka ialah ingin mengisi masa lapang mereka dan ada juga yang menyatakan pengaruh kawan yang menyebabkan mereka terlibat dalam kegiatan ini.

### 3.4 Taburan Respon Responden Berdasarkan Corak Hubungan Sosial, Strategi Daya Tindak dan Personaliti

Analisis deskriptif bagi contoh item-item hubungan sosial, strategi daya tindak dan personaliti ditunjukkan dalam Jadual 3.1. Dalam hubungan sosial terdapat dua perkara yang dikaji iaitu *sokongan kawan (friends support)* dan *sokongan keluarga (family support)*. Strategi daya tindak pula mengkaji empat perkara iaitu *kesanggupan berhadapan dengan masalah, cara menangani yang tidak produktif, optimis dan berkongsi masalah dengan orang lain*. Manakala personaliti pula melibatkan 5 personaliti iaitu bersifat sosial dan suka bergaul (*Extrovert*), berpendapat yang sama dan mudah mencapai persetujuan (*Agreeableness*), mempunyai kesedaran (*Conscientiousness*), bersifat neurotik dan mempunyai gangguan emosi (*Neuroticism*) dan mempunyai sikap terbuka (*Openess*) (sila rujuk Jadual 3.27 hingga 3.29). Pengkaji juga melihat setiap tahap personaliti responden dalam kajian ini (sila rujuk 3.30 hingga 3.34).

**Jadual 3.13:Taburan Respon Responden Terhadap Hubungan Sosial**

KENYATAAN	Sangat Sama Seperti Saya	Sama Seperti Saya	Agak Sama Seperti Saya	Sangat Tidak Sama Dengan Saya	Sama Sekali Tidak Sama Dengan Saya
1. Apabila saya bersama dengan kawan, saya merasa lebih relaks dan menjadi diri saya yang sebenar.	<b>36</b>	37	26	7	2
2. Saya berkongsi pedekatan hidup yang sama yang dilakukan oleh kawan-kawan saya.	15	25	<b>44</b>	15	9
3. Mereka yang mengenali saya, percayakan saya dan menghormati saya.	26	<b>45</b>	31	4	2
4. Tidak kira apa yang terjadi, saya tahu keluarga saya akan sentiasa berada disisi sekiranya saya memerlukannya.	<b>61</b>	17	18	10	2
5. Apabila saya ingin keluar melakukan sesuatu, saya tahu ramai kawan saya akan seronok melakukannya bersama dengan saya.	25	<b>42</b>	22	15	4
6. Saya mempunyai sekurang-kurangnya seorang kawan yang saya boleh ceritakan apa sahaja kepadanya.	<b>41</b>	32	23	10	2
7. Adakalanya saya tidak pasti ada ada saya boleh bergantung sepenuhnya dengan keluarga saya.	11	30	<b>36</b>	10	21
8. Mereka yang mengenali saya berpendapat saya bagus dalam apa sahaja yang saya lakukan.	14	30	<b>34</b>	23	7
9. Saya merasa rapat dengan sesetengah kawan saya.	24	<b>44</b>	33	3	4
10. Ahli keluarga saya mempunyai keyakinan terhadap saya.	32	<b>35</b>	28	4	9
11. Keluarga saya memberitahu saya bahawa saya adalah seorang yang berguna	<b>36</b>	26	31	8	7
12. Ahli keluarga saya membantu saya mencari penyelesaian terhadap masalah saya.	<b>35</b>	34	26	9	4
13. Rakan saya akan mengambil masa untuk berbincang mengenai masalah saya sekiranya saya perlukannya	24	30	<b>41</b>	10	3
14. Saya tahu keluarga saya akan sentiasa menyebelahi saya.	<b>31</b>	26	27	17	1
15. Walaupun saya berada dikalangan kawan-kawan, saya berasa sunyi.	17	15	<b>28</b>	23	25

Penyelidik juga ingin mengkaji sejauhmanakah penerimaan hubungan sosial dikalangan mereka. Dalam alat ukuran penerimaan hubungan sosial ini terdapat dua aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu yang berkaitan penerimaan hubungan sosial (keluarga atau kawan). Keputusan kajian mendapati responden lebih rapat dengan kawan-kawan dikalangan mereka, misalnya item 'Saya mempunyai sekurang-kurangnya seorang kawan yang saya boleh ceritakan apa sahaja kepadanya' menunjukkan kebanyakan responden menyatakan yang mereka lebih mudah meluahkan masalah dan berkongsi cerita bersama kawan mereka. Namun masih ada juga yang mengharap penerimaan daripada ibubapa

mereka iaitu item 'Tidak kira apa yang terjadi, saya tahu keluarga saya akan sentiasa berada disisi sekiranya saya memerlukannya' (sila rujuk Jadual 3.13).

### 3.5 Jenis Personaliti Mat Rempit

**Jadual 3.14 Tahap Personaliti Dikalangan Mat Rempit**

		<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Bersifat sosial dan suka bergaul ( <i>Extraversion</i> )	Tinggi	56	51.9
	Rendah	52	48.1
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan ( <i>Agreeableness</i> )	Tinggi	65	60.2
	Rendah	43	39.8
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Mempunyai kesedaran ( <i>Conscientiousness</i> )	Tinggi	63	58.3
	Rendah	45	41.7
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Bersifat neurotic dan mempunyai gangguan emosi ( <i>Neuroticism</i> )	Tinggi	64	59.3
	Rendah	44	40.7
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>
Mempunyai sikap terbuka ( <i>Openess</i> )	Tinggi	52	48.1
	Rendah	56	51.9
	<b>Jumlah</b>	<b>108</b>	<b>100.0</b>

Kajian ini mendapati kebanyakan responden memiliki personaliti extravert iaitu seorang yang bertenaga, tidak memendam dan suka menunjukkan kemampuan diri. Dari segi personaliti kesetujuan, mudah bersetuju atau tidak ingkar (*Agreeableness*) pula menunjukkan kebanyakan responden berada pada tahap keakuran yang tinggi dan mudah dipengaruhi oleh persekitaran mereka, mereka juga sukar membuat keputusan dan seringkali mengikut apa yang orang di persekitaran mereka lakukan. Personaliti neurotik juga didapati berada di tahap tinggi dan ini menunjukkan ada responden yang lebih suka memendam manakala dari segi personaliti openess pula didapati mereka adalah sederhana dan mereka kadang-kadang berfikiran tarbuka dan kadang-kadang mereka tidak berperilaku sedemikian.

### **3.6 Strategi Daya Tindak Mat Rempit (Bagaimana Mat Rempit Menghadapi Masalah Dalam Hidup Mereka)**

Kajian ini ingin melihat sejauhmana Mat Rempit mampu menghadapi masalah mereka. Oleh yang demikian alat ukuran Strategi Daya Tindak telah dijadikan alat ukuran bagi mengupas dengan lebih lanjut tentang persoalan ini. Alat ukuran ini juga digunakan bagi melihat dan mengenal pasti adakah keterlibatan dalam aktiviti bermotorsikal merupakan satu daya tindak Mat Rempit untuk lari dari masalah atau hanya mengisi masa lapang disamping keinginan mereka untuk bersosial.

**Jadual 3.15:Strategi Daya Tindak Mat Rempit (Bagaimana Mat Rempit Menghadapi Masalah Dalam Hidup Mereka)**

KENYATAAN	Tidak berkenan	Jarang-jarang digunakan	Agak kerap digunakan	Kerap digunakan	Sangat kerap digunakan
1. Bermain / bersukan	9	37	18	19	25
2. Bercakap dengan orang lain dan memberi sokongan antara satu sama lain.	5	24	38	25	16
3. Berusaha dalam kerjaya saya.	2	14	19	41	32
4. Berdoa meminta pertolongan dan bimbingan supaya segalanya menjadi baik.	4	9	26	37	32
5. Saya menjadi sakit; seperti sakit kepala, sakit perut.	18	51	19	14	6
6. Memperbaiki imej diri saya	1	14	25	40	28
7. Melihat dari sudut yang positif dan memikirkan perkara yang baik.	2	20	24	37	25
8. Membentuk plan tindakan.	9	26	31	28	14
9. Cuba untuk melawak	3	19	30	23	33
10. Mencari satu jalan untuk melepaskan perasaan seperti menangis, menjerit, minum arak, mengambil dadah.	54	26	11	10	7
11. Memperbaiki hubungan saya dengan orang lain.	5	12	33	37	21
12. Menghadiri mesyuarat yang melihat masalah tersebut.	21	31	26	17	13
13. Berkhayal bagaimana masalah boleh diselesaikan dengan baik.	35	26	24	14	9
14. Menyalahkan diri sendiri.	31	31	31	9	6
15. Tidak memberitahu orang lain apa perasaan saya.	25	44	21	8	10
16. Dengan sengaja tidak mahu memikirkan masalah.	27	45	24	6	6
17. Meminta bantuan ahli profesional.	28	36	19	13	12
18. Risau tentang apa yang akan berlaku pada saya.	13	35	28	17	15
19. Mencari masa untuk aktiviti masa lapang.	8	14	30	26	30
20.Senaraikan cara lain anda mengendalikan masalah.	18	32	28	16	14

Strategi daya tindak juga merupakan salah satu yang dikaji dalam kajian ini. Kajian ini mendapati kebanyakan daripada responden menyatakan item 'Berusaha dalam kerjaya saya' kerap digunakan begitu juga dengan 'Memperbaiki imej diri saya' (sila rujuk Jadual 3.15).

**Jadual 3.16 Skor Item Strategi Daya Tindak**

	Tidak digunakan langsung <b>10-20</b>	Digunakan begitu sedikit <b>30-40</b>	Digunakan sekali sekala <b>50-60</b>	Digunakan selalu <b>70-80</b>	Digunakan dengan begitu baik sekali <b>70-100</b>
1. Bermain / bersukan			62.59		
3. Berusaha dalam kerjaya saya.				76.11	
6. Memperbaiki imej diri saya				74.81	
8. Membentuk plan tindakan.			62.21		
9. Cuba untuk melawak				71.85	
11. Memperbaiki hubungan saya dengan orang lain.				70.56	
19. Mencari masa untuk aktiviti masa lapang.				70.37	
5. Saya menjadi sakit; seperti sakit kepala, sakit perut.		48.70			
10. Mencari satu jalan untuk melepaskan perasaan seperti menangis, menjerit, minum arak, mengambil dadah.		39.63			
13. Berkhayal bagaimana masalah boleh diselesaikan dengan baik.		48.15			
14. Menyalahkan diri sendiri.		46.27			
15. Tidak memberitahu orang lain apa perasaan saya.		47.78			
16. Dengan sengaja tidak muaham memikirkan masalah.		45.00			
18. Risau tentang apa yang akan berlaku pada saya.			57.41		
4. Berdoa meminta pertolongan dan bimbingan supaya segalanya menjadi baik.				75.56	
7. Melihat dari sudut yang positif dan memikirkan perkara yang baik.				71.67	
2. Bercakap dengan orang lain dan memberi sokongan antara satu sama lain.			64.26		
12. Menghadiri mesyuarat yang melihat masalah tersebut.			54.44		
17. Meminta bantuan ahli profesional.		49.81			
20. Senaraikan cara lain anda mengendalikan masalah.			55.56		

Kajian ini juga mengkaji sejauhmanakah strategi daya tindak yang mereka lakukan. Kajian ini mendapati item ‘berusaha dalam kerjaya saya’ menunjukkan skor yang tinggi. Dalam kajian ini strategi daya tindak yang dikaji terdiri daripada 4 perkara yang utama iaitu kesanggupan berhadapan dengan masalah (item 1,3,6,8,9,11 dan 19), cara menangani yang tidak produktif ( 5, 10, 13, 14, 15, 16 dan 18), berharap masalah boleh diselesaikan (4, 7, 13 dan 19) dan berkongsi masalah dengan orang lain ( 2, 12, 17 dan 15), keputusan skor dapatan kajian alat ukuran ini dinyatakan dalam Jadual 3.16.

**Jadual 3.17 Aspek-Aspek Yang Terdapat Dalam Strategi Daya Tindak**

	Tidak digunakan langsung <b>10-20</b>	Digunakan begitu sedikit <b>30-40</b>	Digunakan sekali sekala <b>50-60</b>	Diguna- kan selalu <b>70-80</b>	Digunakan dengan begitu baik sekali <b>90-100</b>
1.Kesanggupan berhadapan dengan masalah				73.28	
2.Cara menangani yang tidak produktif			60.37		
3. Berharap masalah boleh diselesaikan			50.00		
4.Berkongsi masalah dengan orang lain			66.44		

Berdasarkan Jadual 3.17 strategi daya tindak yang paling biasa digunakan oleh responden ialah ’kesanggupan berhadapan dengan masalah’ seterusnya diikuti oleh ’berkongsi masalah dengan orang lain’ iaitu dengan kawan-kawan dikalangan mereka dan juga keluarga. Ini menunjukkan responden dalam kajian ini lebih suka berhadapan dengan masalah dan berkongsi yang mereka hadapi, situasi ini menunjukkan sikap keterbukaan mereka dalam apa sahaja aktiviti yang mereka lakukan seharian. Situasi ini kemungkinan mereka sekali-sekala akan berkongsi apabila mereka menghadapi masalah yang sukar diselesaikan.

Misalnya dalam kajian Belle 1991: Folkman, Lazarus, Dunkel-Schetter, De Longis & Gruen, 1986; Greenglass 1993; Irion & Blanchard-Fields 1997; Lazarus 1991) menunjukkan responden mereka lebih kepada berhadapan dengan masalah iaitu mereka cuba mengatasi masalah mereka dan tertumpu kepada positif.

### 3.7 Hubungan Aspek Daya Tindak Dengan Aspek Personaliti dan Aspek Penerimaan Hubungan Sosial

Analisis korelasi telah dilakukan ke atas untuk menguji beberapa hipotesis yang dibina. Hipotesis yang pertama dikaji ialah adalah wujud hubungan di antara jenis personaliti tertentu dengan daya tindak dan penerimaan hubungan sosial.

**Jadual 3.18 Hubungan Antara Aspek-Aspek Strategi Daya Tindak Dengan Aspek-Aspek Personaliti dan Aspek-Aspek Dalam Penerimaan Hubungan Sosial**

	Kesanggupan Berhadapan Dengan Masalah	Cara Menangani Yang Tidak Produktif	Berkongsi Dengan Orang Lain	Berharap Masalah Boleh Diselesaikan
Bersifat sosial dan suka bergaul (Extraversion)	.154	.225(*)	.228(*)	.185
	.111	.019	.018	.055
	108	108	108	108
Berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan (Agreeableness)	.169	.274(**)	.206(*)	.224(*)
	.080	.004	.033	.020
	108	108	108	108
Mempunyai kesedaran (Conscientiousness)	.196(*)	.260(**)	.245(*)	.305(**)
	.043	.007	.011	.001
	108	108	108	108
Bersifat neurotic dan mempunyai gangguan emosi (Neuroticism)	.126	.328(**)	.238(*)	.182
	.193	.001	.013	.059
	108	108	108	108
Mempunyai sikap terbuka (Openess)	.386(**)	.260(**)	.372(**)	.388(**)
	.000	.007	.000	.000
	108	108	108	108
Penerimaan hubungan sosial (keluarga)	-.369(**)	-.198(*)	-.250(**)	-.393(**)
	.000	.040	.009	.000
	108	108	108	108
Penerimaan hubungan sosial (kawan)	-.264(**)	-.254(**)	-.203(*)	-.280(**)
	.006	.008	.035	.003
	108	108	108	108

Keputusan kajian mendapat terdapat perkaitan antara aspek-aspek strategi daya tindak dengan aspek-aspek yang terkandung dalam personaliti dan penerimaan hubungan sosial. Kesanggupan berhadapan dengan masalah didapati mempunyai hubungan yang positif

dengan pesonaliti conscientiousness (.196\*) dan personaliti openness (.386\*\*). Aspek kesanggupan berhadapan dengan masalah juga didapati mempunyai hubungan yang negatif dengan penerimaan hubungan sosial iaitu keluarga (-.369\*\*) dan kawan (-.264\*\*). Aspek cara menangani yang tidak produktif pula mempunyai hubungan dengan kesemua aspek namun mereka lebih kepada personaliti neuritik iaitu mereka jenis yang suka memendam perasaan dan sebagainya. Berkongsi dengan orang lain pula didapati berhubungkait dengan personaliti openness iaitu mereka bersifat terbuka dan boleh berkongsi masalah dengan kawan-kawan dan keluarga, begitu juga dengan aspek berharap masalah diselesaikan juga berkaitan dengan personaliti openness.

### **3.8 Hubungan Antara Lama Terlibat Dan Kekerapan Berlumba Dengan Pernah Memenangi Hadiah Dalam Perlumbaan Haram**

Keterlibatan remaja dalam perlumbaan haram telah mendorong semua golongan mengenalpasti apakah faktor yang menyebabkan mereka terjerumus dalam kegiatan ini. Ramai yang menyatakan idea tetapi kajian saintifik terlalu kurang dilakukan. Oleh yang demikian tujuan kajian ini ialah mengenalpasti apakah yang menyebabkan keterlibatan remaja dalam kegiatan ini

**Jadual 3.19 Hubungan Antara Lama Terlibat Dan Kekerapan Berlumba Dengan Pernah Memenangi Hadiah Dalam Perlumbaan Haram**

Pembolehubah	Nilai korelasi (r)
Lama terlibat	.210*
Pernah memenangi hadiah	
Kekerapan berlumba	.234*
Pernah memenangi hadiah	
Kekerapan berlumba	.277**
Lama terlibat	

Dalam kajian ini mendapati keterlibatan mereka adalah disebabkan oleh ganjaran yang diterima yang mana terdapat hubungan yang positif antara lama terlibat dengan hadiah yang pernah dimenangi oleh mereka (.210\*). Dari segi kekerapan berlumba juga

dikenalpasti berhubung secara positif dengan kemenangan mereka iaitu ganjaran yang mereka perolehi seperti wang, wanita dan sebagainya (.234\*).

### **3.9 Kesimpulan**

Kesimpulan yang diperolehi daripada dapatan kajian menunjukkan responden yang dikaji dalam kajian ini menunjukkan yang mereka mempunyai kesanggupan dalam berhadapan dengan masalah dan boleh berkongsi masalah dengan orang lain terutamanya kawan-kawan mereka. Kajian ini juga mendapati kebanyakan mereka adalah berpersonaliti extrovert iaitu mereka jenis suka menunjuk-nunjuk dan tidak suka memendam. Perbincangan mengenai dapatan kajian ini akan dihuraikan dalam Bab 4.

## BAB 4

### PERBINCANGAN

#### 4.0 Pendahuluan

Mat Rempit adalah satu istilah yang diberikan kepada belia yang menunggang motorsikal secara merbahaya di jalan-jalan raya sehingga mengganggu pengguna jalan raya yang lain. Hampir kesemua subjek dalam kajian ini mengakui terlibat dalam aktiviti merempit secara aktif. Mereka juga adalah ahli kepada kumpulan-kumpulan Mat Rempit disekitar Kuala Lumpur. Mereka mengakui sebahagian besar terbabit dalam perlumbaan haram dengan menggunakan motorsikal berkuasa rendah. Kajian ini mendapati tidak semua Mat Rempit terbabit dalam perlumbaan.

Kajian ini ingin melihat apakah faktor-faktor yang mendorong keterlibatan Mat Rempit dalam gejala ini. Disamping itu, mengaitkannya dengan strategi daya tindak, penerimaan hubungan sosial dan personaliti. Mengaitkan ketiga-tiga aspek ini mempunyai tujuan yang tertentu, selain dari melihat apakah personality Mat Rempit pengkaji juga ingin melihat sejauhmanakah penerimaan hubungan sosial dan strategi daya tindak Mat Rempit. Pearlin, Lieberman, Menaghan dan Mullan (1981) menyatakan individu tidak memilih sama ada menggunakan strategi daya tindak atau mendapatkan sokongan sosial apabila menghadapi masalah dalam kehidupan mereka, mereka cenderung menggunakan kedua-dua aspek ini untuk mengelak, menghapus atau mengurangkan situasi tertekan yang mereka alami.

#### **4.2 Taburan dan Latarbelakang Mat Rempit**

Kebanyakan responden dalam kajian ini adalah dikalangan mereka yang berumur 14 hingga 25 tahun dan kesemuanya berbangsa Melayu. Kebanyakan daripada mereka juga tidak memiliki lesen memandu dan kerap kali melanggar undang-undang jalan raya. Pekerjaan utama mereka adalah sebagai operator pengeluaran (pekerja kilang), pengantar surat, peniaga burger dan sebilangan mereka pelajar yang masih di bangku sekolah atau kolej dan ada juga responden yang tidak bekerja.

#### **4.3 Penerimaan Hubungan Sosial Mat Rempit**

Mat Rempit yang terlibat dalam kajian ini adalah golongan remaja yang berusia 14 hingga 25 tahun. Selalunya dalam lingkungan umur ini mereka mencari identiti diri dan mencari kesesuaian. Oleh yang demikian mereka lebih suka bergaul dengan golongan yang memahami dan 'sejiwa' dengan mereka. Alat ukuran penerimaan hubungan sosial digunakan bertujuan untuk melihat sejauhmana perhubungan mereka dengan masyarakat sekeliling terutamanya keluarga dan kawan yang berada disekeliling mereka. Daripada dapatan kajian yang diperolehi mendapati setiap tindakan mereka memerlukan sokongan daripada orang lain. Kajian ini juga mendapati mereka lebih suka berkongsi masalah dengan kawan-kawan dan melibatkan diri dalam apa sahaja aktiviti yang mereka suka lakukan. Ini adalah kerana mereka merasakan kawan-kawan mempunyai agenda yang sama dan memahami apa yang mereka inginkan. Ini sesuai dengan pandangan Piaget bahawa remaja akan lebih mencari kawan seidentiti sebagai tempat rujukan.

Perubahan sosial yang berlaku akibat dari globalisasi, industrialisasi, pendidikan liberal dan mobilisasi memberi cabaran besar kepada sistem keluarga pada hari ini (Ismail Baba, 2001). Menurut Mowlana (1997) dalam masyarakat hari ini iaitu masyarakat industrialisasi, media khususnya televisyen, rakan sebaya dan sekerja telah menggantikan hubungan seseorang dengan ibu bapa, sanak saudara, jiran dan sebagainya.

Dalam konteks hubungan sosial dan kesan personaliti ke atas perhubungan sosial telah disokong oleh kajian Asendorf & Wilpers (1998). Kajian mereka mendapati individu yang mempunyai personaliti ekstrovert, suka bersosial dan mempunyai jaringan rakan sebaya yang lebih baik. Dapatan kajian ini telah selari dengan kajian sebelumnya yang berkaitan remaja. Responden yang dikaji mempunyai jaringan rakan sebaya yang mempunyai matlamat yang sama iaitu inginkan keseronokan 'merempit' adalah satu cara bersosial. Mereka didapati lebih rapat dengan rakan mereka berbanding keluarga mereka. Situasi ini mungkin disebabkan mereka senang berkongsi masalah dengan kawan mereka berbanding ibu bapa kerana mereka mempunyai matlamat dan cara hidup yang sama. Mereka kemungkinan berpendapat yang kawan mereka boleh dipercayai dan boleh meringankan masalah yang mereka tanggung.

Faktor psikologikal seperti kekecewaan hidup dan keterlepasan kawalan nafsu dan kawalan diri serta faktor sosial seperti keadaan keluarga, kawasan perumahan, pengaruh media massa dan pengaruh rakan sebaya mempengaruhi keterlibatan remaja dalam gejala sosial seperti dalam aktiviti merempit (Kandiah 1983; Cho Kah Sin dan Ismail Muhammad Salleh; Shamsuddin A. Rahim dan Iran Herman 1993 dan Shamsuddin A. Rahim 1994). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Maura O'Kette (1995) telah menunjukkan pelaku-pelaku masalah sosial terdiri daripada individu-individu yang mempunyai masalah dan kekurangan dari segi personaliti, sosiologikal dan psikologikal.

Bagi sesetengah remaja, lumba haram ialah cara mewujudkan hubungan, khususnya orang yang sama dari segi minat dan hobi aktiviti bermotor memberi peluang mendapat kawan dengan mereka yang kongsi minat yang sama dan memahami masalah yang perlu diisi. Ini merupakan suatu yang mereka dapati sukar untuk lakukan dalam kehidupan seharian mereka. Golongan yang terlibat dalam perbuatan lumba haram ini mungkin merupakan satu petanda kepada kekosongan jiwa yang mereka hadapi. Bagi mereka, lumba secara haram dan melakukan aksi luar biasa di atas trek merupakan satu cara untuk memuaskan hati mereka. Dengan cara ini juga, mereka dapat memenuhi keperluan jiwa mereka. Hati yang tidak diisi dengan pengisian yang sewajarnya

menyebabkan mereka mencari alternatif. Golongan Mat Rempit merasakan bahawa aksi mereka dengan lagak ngeri bukan sekadar memuaskan hati, bahkan membuatkan orang awam turut terhibur.

#### **4.4 Strategi Daya Tindak Mat Rempit**

Terdapat berbagai-bagai cara untuk berhadapan dengan stress dan tekanan hidup. Ada orang menggunakan cara produktif ada pula cara yang tidak produktif Mat Rempit bagaimana? Menurut Greenglas (1988) strategi daya tindak merujuk kepada tingkah laku dan aktiviti kognisi yang digunakan oleh individu dalam percubaan individu tersebut untuk menyesuaikan diri dengan keadaan tekanan. Brief (1981) yang mendapati bahawa terdapat satu sempadan yang jelas di antara mekanisme daya tindak yang digunakan oleh individu. Setiap individu mempunyai had-had mekanisme daya tindaknya. Oleh itu individu yang memiliki lebih banyak jenis strategi daya tindak menunjukkan individu tersebut lebih terlindung dari akibat tekanan iaitu permasalahan hidup.

Dalam kajian ini, golongan Mat Rempit juga mempunyai strategi daya tindak yang tersendiri dan unik dari orang biasa. Golongan ini mempunyai strategi daya tindak yang sanggup sanggup berhadapan dengan masalah dan mereka juga mempunyai keinginan untuk berkongsi masalah dengan orang lain terutamanya rakan sebaya (sesama Mat Rempit). Ini bererti mereka juga seperti remaja lain yang mempunyai sikap yang sukakan perhatian, oleh sebab itu mereka berusaha untuk memperolehi skill 'ala stunt seperti mempunyai kebolehan dalam menunjukkan aksi seperti *Wheely*, *Wheekang*, *superman* dan sebagainya.

Dalam kajian ini, strategi daya tindak yang paling biasa digunakan oleh Mat Rempit ialah 'kesanggupan berhadapan dengan masalah' seterusnya diikuti oleh 'berkongsi masalah dengan orang lain' iaitu dengan kawan-kawan dikalangan mereka dan juga keluarga. Ini menunjukkan Mat Rempit dalam kajian ini lebih suka berhadapan dengan masalah dan berkongsi yang mereka hadapi, situasi ini menunjukkan sikap keterbukaan mereka dalam apa sahaja aktiviti yang mereka lakukan seharian. Ini mungkin selari dengan personaliti atau gaya hidup mereka yang suka cabaran.

Dapatan ini selari dengan dapatan Belle 1991; Folkman, Lazarus, Dunkel-Schetter, De Longis & Gruen, 1986; Greenglass 1993; Irion & Blanchard-Fields 1997; Lazarus 1991) yang menunjukkan responden mereka lebih kepada berhadapan dengan masalah iaitu mereka cuba mengatasi masalah mereka.

#### **4.5 Personaliti Mat Rempit**

Kajian ini turut mengkaji profil personaliti Mat Rempit iaitu meneliti adakah mereka mempunyai personaliti yang luar biasa bagi kebanyakan remaja? Tret personaliti menurut Carl Jung terbentuk hasil dari gabungan warisan baka dan persekitaran. Malah manusia adalah aktif di dalam menentukan corak hidup mereka sendiri. Pernyataanya ini menolak dakwaan rakan karibnya, Freud yang menyatakan bahawa seks berperanan dalam menentukan perkembangan personaliti seseorang itu.

Dalam kajian ini lima personaliti telah dikaji dan setiap personaliti ini mempunyai personaliti yang tersendiri. Golongan responden tergolong dalam semua kategori ini dan pengkaji telah membahagikan personaliti mereka kepada dua tahap iaitu tinggi dan rendah (keputusan kajian boleh diperolehi dalam Bab 3). Ia adalah bertujuan untuk melihat sejauhmanakah personaliti responden dalam kajian ini.

#### **Extravert (Bersifat sosial dan suka bergaul)**

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Williams (1990), individu yang mempunyai kombinasi ekstrovert tinggi dan neurotik rendah menunjukkan mood yang lebih baik dan stabil tetapi sebaliknya kombinasi ekstrovert rendah dan neurotik tinggi mempunyai mood negatif. Keadaan ini sudah pastinya akan mempengaruhi individu di sekeliling termasuklah dengan ibu bapa.

Berbanding dengan kumpulan extrovert terdapat satu kumpulan yang berbeza dari kumpulan ini iaitu kumpulan yang di kenali sebagai golongan Introvert. Golongan introvert ini kurang dari segala aspek yang di miliki oleh kumpulan golongan Extrovert.

Antara ciri personaliti yang di miliki oleh golongan ini adalah seperti kurang bertenaga, suka persendirian dan biasanya kurang berhubung dengan masyarakat sekeliling.

Kurang penglibatan mereka dalam masyarakat bukan bermakna mereka ini “Anti-sosial”, sedih (*depressed*) atau berasa malu ,tetapi mereka ini tidak perlu banyak stimulasi dari persekitaran mereka berbanding dengan yang berada dalam golongan extravert dan lebih memilih untuk bersendirian. Dalam kajian ini didapati kebanyakan responden adalah memiliki personaliti extrovert iaitu memiliki sikap menunjuk-nunjuk dan berani walaupun tindakan mereka membahayakan diri sendiri dan orang lain.

### **Agreeableness (Berpendapat sama dan mudah mencapai persetujuan)**

Agreeableness mempunyai unsur-unsur percaya orang lain, berterus terang, mengambil berat, empati, akur, kesopanan atau kesederhanaan dan lembut hati. Adakah individu dalam personaliti ini mudah terpengaruh. Dapatan kajian terdahulu mendapati paras agreeableness orang Melayu adalah tinggi (McCrae et al, 2005; Mastor et al 2000).

Dalam kajian ini didapati kebanyakan daripada responden memiliki personaliti ini dan ini menunjukkan mereka boleh bekerjasama dalam kumpulannya dan boleh berkompromi ini selari dengan dapatan dalam alat ukuran *strategi daya tindak* dalam aspek *boleh berkongsi dengan orang lain* yang mana menunjukkan Mat Rempit ini boleh berkompromi dan bersikap terbuka.

### **Openess (Mempunyai sikap terbuka)**

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan tahap personaliti responden dari segi openness (mempunyai sikap terbuka) ialah rendah yang mana mereka merupakan golongan yang tidak memiliki sikap atau minda yang terbuka terhadap sesuatu idea atau pendapat. Ini menunjukkan mereka memiliki personaliti yang tidak mempunyai keinginan untuk terdedah kepada sesatu pengalaman yang baru. Mereka juga tidak mempunyai sifat ingin tahu (*intellectually curious*) yang begitu mendalam. Golongan ini

juga lebih peka terhadap emosi mereka dan suka membandingkan diri mereka dengan orang yang terdekat dengan mereka. Mereka bertindak dan berfikir secara cara tersendiri (*individualistic*) dan dalam cara yang kurang berkonfrontasi.

### **Conscientiousness (Mempunyai kesedaran)**

Dapatkan kajian yang diperolehi juga mendapati kebanyakan responden memiliki personaliti conscientiuosness (mempunyai kesedaran). Mereka yang berpersonaliti seperti ini adalah manusia yang memiliki nilai kesedaraan yang tinggi dan mereka adalah seorang individu yang amat berhati-hati semasa membuat sebarang keputusan (satu kualiti yang wujud dalam diri seorang manusia yang bertindak mengikut kesedaran mindanya).

Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh golongan ini adalah mereka sering dan selalu berkerja keras (*workaholics*) dan dikategorikan dalam satu tingkah laku yang disebut sebagai “Obsessive Compulsive Perfectionists Behavior”. Tambahan pula, individu yang tinggi dalam nilai ini kadang-kala membosankan disebabkan oleh sifat atau sikap mereka yang tidak ingin mengambil risiko dan kurang ingin terdedah kepada persekitaran (*less adventurous*).

#### **4.6 Faktor-Faktor Keterlibatan Remaja Dalam Gejala Mat Rempit**

Faktor lain yang menyumbang ialah desakan atau pengaruh dari rakan sebaya. Pengaruh atau ugutan daripada rakan sebaya ditambah kekurangan ilmu bagi menyesuaikan diri dengan kehidupan di bandar dan mempunyai sikap ingin mencuba sesuatu yang tidak baik (Rozmi, 2005). Dari aspek psikologi mereka yang terlibat mempunyai ciri personaliti tertentu yang suka mencari kebebasan, tetarik dengan tawaran hadiah yang berupa wang ringgit, motorsikal dan wanita serta yang lebih penting diiktiraf sebagai ‘hero’. Tidak dapat dinafikan aktiviti merbahaya ini memerlukan skill misalnya skill menjungkit motorsikal dalam kelajuan tinggi. Dalam proses memperoleh skill itu sudah tentu mereka terlibat dalam kemalangan. Kemalangan bagi mereka adalah biasa sepetimana ahli stunt dalam filem James Bond. Malah bagi mereka lagi banyak parut

lagi hebat kerana kesan parut kemalangan jalan raya yang menimpa seseorang Mat Rempit menggambarkan 'ketinggian status' mereka dalam kelompok berkenaan. Lagi banyak parut kesan kemalangan, lebih layak seseorang itu digelar raja litar menerusi parut berkenaan. Seorang Mat Rempit seakan mendapat lesen 'hak untuk bermegah'. Selain faktor psikologi, faktor sosio-budaya juga mempengaruhi keterlibatan mereka. Antaranya ialah budaya menunjuk-nunjuk dan supaya dipandang hebat. Seperti yang ada dalam pepatah Melayu "Berkokok berderu-deru ekor bergelumang tahi". Budaya menunjuk-nunjuk sudah menjadi sebahagian budaya kita dan ianya sedikit-sebanyak tersebar kepada golongan muda. Jika golongan dewasa mahukan prestij, berhutang untuk barang-barang mewah, dipuji dan di hormati remaja juga tidak tekecuali. Bagi mereka dengan cara menunjukkan aksi sebagai salah satu cara meningkatkan penghargaan kendiri (*self-esteem*) mereka. Mereka juga terpengaruh dengan ideologi kekebasan dan mengisi masa lapang dengan cara mereka. (Rozmi, 2005). Pada mulanya hanya sekadar suka-suka, mengambil angin dan berkumpul sesama rakan sebaya yang bermotorsikal kemudian mereka mula memikirkan aktiviti yang menyorongokkan.

#### **4.7 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, melalui dapatan dan perbincangan yang telah dilakukan mendapati remaja yang terlibat dalam perlumbaan haram ini adalah disebabkan oleh faktor kepuasan dan disebabkan oleh personaliti diri mereka yang suka dengan cabaran. Remaja ini juga lebih terbuka kepada kawan-kawan berbanding dengan ibu bapa. Situasi ini menyebabkan mereka lebih rapat dan bergaul dengan rakan sebaya dan menunjukkan kehebatan mereka dalam perlumbaan haram yang kononnya boleh memotivasi dan menarik perhatian orang ramai kepada mereka.

## BAB 5

### PENUTUP

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini memberi gambaran secara ringkas mengenai dapatan kajian yang telah diperoleh, implikasi dan keputusan kajian. Pada masa yang sama, terdapat beberapa limitasi dan masalah kajian yang dihadapi semasa menjalankan kajian dikenal pasti. Di samping itu juga beberapa saranan telah dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu supaya dapat dimanfaatkan mada masa akan datang.

#### 5.2 Rumusan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang terlibat dalam perlumbaan haram ialah remaja Melayu yang berumur 17 hingga 25 tahun. Kajian juga mendapati keterlibatan mereka adalah disebabkan inginkan kepuasan, mengisi masa lapang dan terpengaruh dengan kawan. Ganjaran juga merupakan faktor yang menyebabkan mereka terus bergiat aktif dalam perlumbaan haram. Satu perkara yang amat merunsingkan ialah kebanyakan daripada mereka ini mengaku tidak memiliki lesen memandu sewaktu menunggang sedangkan mereka kerap berlumba dan melanggar undang-undang jalan raya.

#### 5.3 Implikasi dan Saranan Kajian

Melalui kajian ini dapat dirumuskan bahawa kegiatan Mat Rempit ini adalah disebabkan oleh keghairahan mereka dalam mengejar kepuasan dan kebebasan. Mereka juga berasa seronok apabila mereka berjaya melanggar mampu memamer aktiviti merbahaya dan undang-undang awam. Oleh yang demikian semua pihak perlu lebih prihatin dalam menangani perkara ini. Cadangan sahaja tidak mencukupi tetapi yang paling penting ialah

tindakan dan kerjasama yang diberikan. Kesedaran dikalangan mereka ini juga perlu ada dan pendedahan terhadap risiko kegiatan mereka perlu diwar-warkan agar ada kesedaran dalam diri mereka.

Pertama, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu memikirkan satu pelan tindakan yang berkesan untuk menyedarkan mereka terhadap risiko lumba haram. Ibu bapa juga sewajarnya memerhatikan tindakan anak-anak mereka agar tidak terlibat dalam gejala ini.

Kedua, kajian-kajian dalam latar tempatan perlulah dijalankan dan diberikan bantuan bagi memperbanyakkan lagi data mengenai isu-isu perlumbaan haram. Seperti yang kita sedia maklum, negara kita kekurangan data-data mengenai perlumbaan haram. Sekiranya adapun terlalu sedikit untuk dijadikan rujukan. Oleh itu, adalah wajar bagi pihak penyelidik dari pelbagai bidang ilmu seperti sains sosial terutamanya bidang psikologi dan kemanusiaan memainkan peranan penting dengan menjalankan kajian perilaku yang tidak bermoral. Ini adalah kerana untuk menentukan dan mengenal pasti kewujudan dan punca-punca Mat Rempit adalah terlalu sukar dan kompleks. Maka, suatu pendekatan untuk menjawab persoalan tersebut mestilah bersandarkan kepada penyelidikan yang menyeluruh dari pelbagai sudut agar punca keterlibatan mereka ini dapat dikenalpasti dengan lebih jelas lagi.

#### **5.4 Masalah dan Limitasi Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa masalah telah dikenalpasti. Masalah ini akan diperjelaskan satu persatu dengan lebih terperinci. Kajian ini adalah fokus kepada golongan Mat Rempit yang memang dikenalpasti terlibat dalam kegiatan ini. Walaubagaimanapun, masalah timbul sewaktu mengedarkan borang soal selidik kerana Responden kurang memahami soalan dan penyelidik membacakan dan menebual mereka agar mereka jelas dengan apa yang penyelidik inginkan. Setiap soalan dibacakan dan menerangkan kepada mereka sebelum mereka menjawab sesuatu soalan.

### **5.5 Rumusan**

Secara keseluruhan, keterlibatan remaja dalam aktiviti lumba haram adalah disebabkan oleh faktor kepuasan, ganjaran yang mereka perolehi dan juga mereka sememangnya memiliki personaliti yang suka menunjuk-nunjuk dan lebih suka bersosial. Dari segi strategi daya tindak pula mereka lebih terbuka iaitu mempunyai kesanggupan dalam berhadapan dengan masalah dan boleh berkongsi masalah mereka dengan orang lain. Kajian yang lebih menyeluruh perlu dilakukan agar permasalahan ini boleh dikupas dari masa ke semasa.

## Rujukan

- Asendorpf, J.B., and Wilpers, S., (1998). Personality effects on social relationships. *Journal of Personality and Social Psychology* 74(6): 1531-1544.
- Bandura, A. 1977. *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs. Prentice-Hall.
- Berita Harian, 27 Mei 2000
- Berita Harian, 2003
- Berita Harian, 10 Februari 2004
- Brief, Schuler & Van sell (1981). Managing Job stress. Boston: Little, Brown and Company.
- Eysenck, H.J & Wilson, G. D. 1976. *Textbook of Human Psychology*. Great Britain: MTP Press Ltd.
- Gabany, S.G., Plummer, P & Grigg, P. 1997. Why Drivers Speed: The Speeding Perception Inventory. *Journal of Safety Research*. 28 (1): 29-36
- Greenglass, Esther (1988). Type a behavior and coping strategies in female and male supervisors. *Applied psychology: An International Review*.
- Hivalki. D. 1989. A Sixteen -Factor Personality Test F or Predicting Automobile Driving Accidents Of Young Drivers. *Journal of Personality and Individual Differences*, 10: 413 -417.
- Hollin (1989) Psychology and Crime. An Introduction To Criminological Psychology London & New York : International Thomson Publishing Company.
- Ismail Baba, (2001). *Role of effective communication and dialogue in the home to strengthen the family*. Paper presented at the Proceedings of the APFAM International Conference.
- Kandiah, M. 1983. Juvenile rule-breaker: Patterns in their social background and rehabilitation approaches. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 4 (1): 6-23.
- Kruttscnitt, Heath & Ward (1986). Family Violence, Television Viewing Habit And Adoldcent Experiences Related to Violent Criminal Behavior. *Criminology*.
- Levonian (1969) Personality Characteristics of Juvenile Driving Violators. Accident Analysis and Prevention. Of Interpersonal Violence.
- Maura O' Keefe (1995) Predictors of Child Abuse In Maritally Violent Family. *Journal Mayer. R. E. 1997. Psychological, Social and Cognitive Characteristic of High-Risk Driver: A Pilot Study. Accident, Analysis & Prevention*, 9: 1-8.
- McCarae et al, 2005; Mastor et al 2000. Terlalu Mudah Bersetuju: Antara Kebaikan dan Keburukan Personaliti Orang Melayu. Khairul Anwar Mastor. Pusat Pengajian Umum, UKM.
- McCormick, Walkey & Green (1986). Comparative Perception Of Driver Ability-A Confirmation and Expansion. *Accident analysis & Prevention*.
- McEwan, A. W. 1983. Eysenck's Theory of Criminality and the Personality Types and Offences of Young Delinquents. *Journal of Personality and Individual Differences*, 4(2): 201-204.
- Mowlana, H., (1997). *Global information and world communication*, 2nd. ed., London: Sage Publications.
- Pearlin, L.I. & Lieberman, M.A. Menaghan, E.G & Mullan (1981). The Stress Process. *Journal of Health and Social Behavior*.

- Rozmi Ismail, 2005, Perlumbaan Motorsikal Haram di Kalangan Remaja, dalam prosiding Seminar Penyelidikan dan Pembangunan Generasi Muda UKM-KBS, 13-14 Disember, 2005, UKM, Bangi, m/s 315-326.
- Rozmi Ismail, 2004, Gejala perlumbaan haram di kalangan Remaja; Satu Kajian Memahami faktor penglibatan dan jenis personaliti pelumba, dalam Prosiding Seminar Kebangsaan ke3 Psikologi dan Masyarakat: Gejala Sosial dalam Masyarakat. 4 & 5 October 2004, ESSET, Bangi, m/s1-36
- Rushton & Chrisjohn (1981) Extraversion, Neuroticism, Psychoticism And Self-Reported Delinquency:Evidence From Eight Separate Samples. Accident And analysis Prevention.
- Shultz & Shultz (1998). Theories of Personality. Publishing Company.
- Smith, D.L. & Heckert, T.M. 1998. Personality Characteristics and Traffic Accidents of College Students, *Journal of Safety Research*. 29(3) .163 169
- Sapiee (1998) Personaliti Remaja Lepak. Aspek aktiviti dan Tingkah laku: satu Kajian Lapangan di Sekitar Bandaraya Kuching. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, UKM
- Waisielewski (1984) Speed As a Measure of Driver Risk : Observation Speeds Versus Driver and Vehicle Characteristics, Accident Analysis & Prevention.
- Williams (1990). (*Dlm. Hubungan keluarga dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan*, Che Hasniza Che Noh, 2007)
- The Star 28 Ogos 2000